**Pembangunan seimbang di pulau & Seberang Perai** MS 3 & 9



**Sertai peraduan Buletin Mutiara** MS 10 & 28




PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com




1 – 15 APRIL, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# "AES, terima kasih Kerajaan Negeri sebab bantu keluarga kami"

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**MOHD. IBRAHIM NAINA**, 52, hilang pekerjaan kerana penglihatannya tidak begitu elok, selepas terlibat dalam satu kemalangan jalan raya tidak lama dahulu.

Akibat kerja yang tidak menentu, isterinya kini terpaksa menyara keluarga, termasuk empat anak di Kampung Melayu, Air Itam.

Mohd. Ibrahim mengakui bahawa sudah lama mengetahui Kerajaan Negeri hari ini menyediakan Agenda Ekonomi Saksama (AES).

Tetapi, beliau memberitahu, keadaannya kini menyebabkan beberapa kali hasrat untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri tertangguh.

"Mujurlah ada pegawai kerajaan yang datang menguruskan hal permohonan saya, dan saya layak menerima bantuan bulanan RM250," jelasnya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Sumbangan AES Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam baru-baru ini.

**V. Kamala Veni**, 58, adalah pesakit kanser. Suaminya uzur, namun, tetap mengambil upah memotong rumput jika diminta.

Pendapatan yang tidak menentu walaupun sedikit sebenarnya penting untuk kedua-dua pasangan tersebut, bagi memelihara tiga cucu yang tinggal bersama-sama mereka di Kampung Pisang, Air Itam.

Selepas memohon AES, Kamala Veni dinilai layak menerima RM430 sebulan.

Dan, berita gembira itu disampaikan sendiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

**Fatimah Bee Baba Azahar**, 35, yang ditemui kemudian melahirkan rasa syukur kerana diumumkan layak menerima RM550 sebulan di bawah skim AES ini.

Ibu kepada empat anak tersebut memberitahu, selama ini beliau bergantung hidup dengan mengambil upah menjaga anak seorang kenalan, di rumahnya dekat Desa Mawar.

"Saya cuma boleh sebut 'Terima Kasih Kerajaan Negeri' sebab bantu keluarga kami," jelasnya dalam nada sebak bercampur gembira.

Melalui AES, menurut Hon Wai, Kerajaan Negeri mahu memastikan pendapatan isi rumah adalah melepasi paras garis kemiskinan (PGK) yang diumumkan di negeri ini.

"Sebab itu, ada penerima bantuan AES mendapat bantuan RM250 atau RM430 atau RM550, kerana Kerajaan Negeri melalui skim bantuan ini akan mencukupkan pendapatan isi rumah bulanan keluarga berdaftar (mengikut syarat ditetapkan) dengan kadar *top up* minimum adalah RM100.

"Pada kali pertama, penerima akan diberi wang bantuan AES dalam bentuk tunai, dan pada bulan-bulan berikutnya akan disalurkan melalui bank," jelasnya yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri.

Penghulu Daerah Timur Laut, Saad Khalid yang menyelia komuniti bagi Air Itam dan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban serta pemimpin Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat turut sertai majlis ringkas tersebut.

Rujuk Lampiran A untuk pecahan mengikut daerah dan kos perbelanjaan berhubung pelaksanaan program AES sejak 2009 hingga Mac 2017.



WONG Hon Wai (tiga dari kiri) diiringi Saad Khalid (kiri sekali) menyerahkan sumbangan tunai AES kepada Mohd. Ibrahim Naina (tiga dari kanan), V. Kamala Veni (dua dari kiri) dan Fatimah Bee Baba Azahar (empat dari kanan) pada majlis di Pusat Khidmat ADUN Air Itam di sini baru-baru ini.

**Pelaksanaan Program AES sejak 2009 hingga Mac 2017.**

| NO | DAERAH | PENERIMA (ORANG) | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 01 | TIMUR LAUT | 134 | 1,186,140 |
| 02 | BARAT DAYA | 162 | 3,701,630 |
| 03 | SEBERANG PERAI UTARA | 694 | 11,869,174 |
| 04 | SEBERANG PERAI TENGAH | 228 | 4,146,993 |
| 05 | SEBERANG PERAI SELATAN | 193 | 2,312,031 |
| JUMLAH | | 1,411 (Penerima Aktif) | 23,215,968 |

Sumber : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**LAMPIRAN A.**

# Tahun ke-8 sambut Bulan-bulan Al-Quran simbol KN memartabatkan Islam - Rashid

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



DR. Abdul Rahman Abbas (kanan sekali) menyempurnakan gimik peluncuran aplikasi e-Kemusykilan sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang diadakan serentak dengan Sambutan Bulan-bulan Al-Quran Peringkat Negeri Kali Ke-8 di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Pulau Pinang yang digambarkan anti Islam sekali lagi melancarkan Sambutan Bulan-bulan Al-Quran Peringkat Negeri Kali Ke-8 dengan penganjuran pelbagai program sepanjang bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan.

Ketika berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon memberitahu, saban tahun, penganjuran program berkaitan adalah demi memartabatkan lagi kedudukan Islam dan umatnya sebagaimana dijamin dalam perlembagaan.

"Setiap tahun, pelbagai program dilaksanakan sepanjang tiga bulan ini demi menyemai dan menanam rasa cinta masyarakat yang mendalam terhadap Al-Quran," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang juga ADUN Batu Maung.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sendiri merasmikan majlis pelancaran tersebut, serentak dengan peluncuran aplikasi e-Kemusykilan yang disediakan oleh Jabatan Mufti Pulau Pinang.

ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Ketua Hakim Syarie Negeri, Dato' Abdul Walid Abu Hassan dan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man antara pemimpin utama Kerajaan Negeri yang hadir pada majlis berkenaan.

Abdul Malik ketika berucap merakamkan penghargaan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Pejabat Exco Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang serta beberapa pihak lain yang terlibat dalam penganjuran program-program pada kali ini.

Sesi tazkirah pada malam berkaitan disampaikan oleh Ustaz Elyas Ismail, selebriti agama rancangan Tanyalah Ustaz terbitan TV Al-Hijrah.

Berikut adalah antara acara utama sepanjang Program Sambutan Bulan-bulan Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang 1438H/2017 :-

- Program Hafazan Dan Talaqqi Al-Quran bermula 1 April hingga 11 Jun 2017 (9 pagi - 12 tengah hari) di Masjid Negeri Pulau Pinang. Terhad 150 orang sahaja. Hubungi 04 - 828 2212 untuk pendaftaran.
- Majlis Bacaan Kitab Tafsir Surah Yassin Karangan Sheikh As-Sobuni pada 11 Jun (pagi) dan 12 Jun (petang) di Masjid Negeri.
- Program Tahsin Al-Quran bermula 8 pagi hingga 1 petang di Masjid Daerah Barat Daya pada 8 April; di Masjid Daerah Seberang Perai Selatan (15 April); dan Masjid Abdullah Fahim Kepala Batas (29 April).
- Pembukaan gerai Pameran bertema Al-Quran: Islam Rahmatun Lil Alamin di pusat membeli-belah dan tumpuan awam selama tiga bulan.
- Penganjuran Program Celik Al-Quran membabitkan pelajar-pelajar sekolah.
- Kelas Bahasa Al-Quran (bahasa Arab) dan Tulisan Jawi mulai 9 pagi hingga 1 petang di Maahad Tahfiz terpilih.
- Seminar Al-Quran - "Memahami Konsep Jihad: Persepsi dan Realiti" 20 Mei (8 pagi hingga 1.30 petang) di Hotel Seri Malaysia Kepala Batas. Hubungi 04 - 263 2975 untuk pertanyaan lanjut dan urusan pendaftaran.

Oleh: **ME**



# Saya perlukan sokongan semua pihak, Zainal Abidin Hassan sebagai ketua jurulatih baru

**GEORGE TOWN –** Pemain lagenda negara, Zainal Abidin Hassan dilantik sebagai Ketua Jurulatih baru pasukan bola sepak Pulau Pinang bagi memperbaiki kedudukan dalam saingan Liga Super Musim 2017.

Pelantikan Zainal Abidin yang mula berkuat kuasa pada 27 Mac lalu adalah bagi menggantikan pengendali sebelum ini, Ashley Westwood.

Pengumuman pelantikan itu diumumkan Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Zairil Khir Johari dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Zairil, pelantikan itu dibuat selepas mengambil kira pengalaman luas Zainal Abidin sebagai pemain lagenda dan ketua jurulatih yang berpengalaman.

"Saya yakin, para pemain pasukan Pulau Pinang memang mempunyai kemahiran dan kebolehan.

"Cuma mereka memerlukan panduan motivasi dan inspirasi serta arah tujuan setelah agak kucar-kacir pada awal musim permainan tahun ini.

"Dengan kehadiran Zainal Abidin, saya percaya kita (FAP) telah menemui seorang ketua jurulatih berpengalaman yang mampu memulihkan kembali semangat pemain serta memastikan Pulau Pinang kekal dalam Liga Super pada hujung musim ini," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan kakitangan pengurusan FAP.

Berusia 52 tahun, Zainal Abidin bukan nama asing kerana pernah menggalas tanggungjawab sebagai pembantu jurulatih pasukan Selangor, ketua jurulatih pasukan Pahang, malah juga pernah bertandang ke United Kingdom selama tiga bulan untuk menimba pengalaman bersama Kelab Liga Championship Inggeris, *Cardiff City FC*.

Dalam pada itu, Zainal Abidin yang ditemui kemudian menyatakan bahawa beliau sedaya mungkin akan berusaha menaikkan semula mutu permainan pasukan bola sepak negeri ini.

"Apa yang lebih penting adalah sokongan daripada semua pihak untuk mengharumkan semula nama Pulau Pinang.

"Sokongan daripada pihak luar seperti penyokong, pemain, pegawai dan semua rakyat Pulau Pinang adalah perlu untuk memperbaiki kedudukan kepada yang lebih baik.

"Saya perlukan sokongan semua pihak," serunya.

Serentak itu, Guan Eng turut mengumumkan peruntukan tambahan sejumlah RM3 juta kepada FAP, menjadikan jumlah keseluruhan diterima FAP adalah berjumlah RM7 juta bagi musim ini.



**KETUA Menteri menyampaikan cek replika sumbangan RM3 juta kepada Zairil Khir Johari (empat dari kiri) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

# Seberang Perai, penggerak dan pemacu ekonomi masa hadapan Pulau Pinang – KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAGAN DALAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Seberang Perai adalah penggerak dan pemacu ekonomi masa hadapan Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, kata beliau, Seberang Perai khususnya Butterworth perlu punyai budaya dan keunikan ia tersendiri.

"Butterworth perlu ada jiwa, apabila punyai jiwa, barulah ianya boleh bergelar bandaraya bertaraf antarabangsa.

"Serentak itu, Kerajaan Negeri turut memberi suntikan 60 peratus perbelanjaan untuk Seberang Perai (berbanding 40 peratus di bahagian pulau)... kerana kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh biarkan Seberang Perai ketinggalan dan perlu bagi perhatian lebih," ucapnya pada Majlis Pecah Tanah Rain Garden, Jalan Jeti Lama dan Majlis Perasmian Butterworth Art Walk di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Pengurus Projek Think City (ThinkCity), Murali Ram.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan; ADUN Jawi, Soon Lip Chee; Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut optimis dengan siapnya hab pengangkutan *Penang Central* kelak, ianya juga akan lebih merancakkan pembangunan Butterworth.

"Apabila siapnya *Penang Central*, ianya bakal selaras dan integrasikan pembangunan moden serta sejarah, lalu merealisasikan Projek Pembangunan Butterworth Baharu selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri.



**KEUNIKAN** ***Butterworth Art Walk.***

Dalam pada itu, Maimunah memaklumkan bahawa projek naik taraf bernilai RM495,528 (peruntukan MPSP dan ThinkCity) berkaitan adalah merangkumi enam komponen iaitu pembangunan platform, pembinaan pam dan alur air, pembinaan teres, bangku, lampu serta parkir letak kereta orang kurang upaya (OKU) dan basikal.

"Sejak Disember 2016, sembilan lukisan mural (fasa satu) juga telah siap di Lorong Belakang, Lorong Bagan Luar 1 atau dikenali sebagai *Butterworth Art Walk*.

"Ianya ilham arkitek kelahiran Butterworth, Zaini Zainul bersama-sama lapan pelukis lain... dua fasa dijangka dapat disiapkan menjelang Julai 2017 sempena Festival Pinggiran Butterworth (BFF)," jelasnya.

Konsep yang diketengahkan adalah paparan sejarah Butterworth yang telah siap antaranya, dua ekor gajah poligon, aktiviti pesawah, setem Malaya, logo Negeri Selat, gula perai, gerai air tebu, seni silat, pokok tebu dan Gabenor William John Butterworth.



**DUA pengunjung sedang merakam momen menarik di *Butterworth Art Walk* dengan berlatarbelakangkan mural Gabenor William John Butterworth.**

*Rujuk juga muka 9.*

# Laporan penguatkuasa MBPP dipukul, KM harap polis beri perhatian serius

**GEORGE TOWN** - Insiden penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dipukul ketika mengeluarkan kompaun kesalahan parkir dalam suatu kejadian pada 22 Mac lalu patut mendapat perhatian serius daripada pihak polis.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, seorang lelaki yang dipercayai menyerang penguatkuasa MBPP, C. Ilayapoparthy boleh dituduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 353 Kanun Keseksaan, dengan hukuman penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan kerana menghalang tugas penjawat awam.

"Saya lihat ini isu serius, seorang penjawat awam boleh dipukul. Saya berharap pihak polis turut mengambil kes ini secara serius," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Ilayapoparthy dalam sidang media sama memberitahu, beliau ditumbuk pada muka dan ditolak sampai terbalik oleh lelaki berkenaan dalam kejadian kira-kira 8.15 malam di Jalan Servis dekat Jalan Sungai Dua.



C. Ilayapoparthy.

Selepas itu, Guan Eng menyerahkan RM500 sumbangan insentif kepada Ilayapoparthy sebagai tanda simpati dan galakan dengan harapan beliau tidak tertekan serta masih mempunyai semangat untuk menjalankan tugas mengikut lunas undang-undang.

Dalam pada itu, Patahiyah berharap orang ramai tidak menghalang tugas yang dipikul kakitangan awam.

"Jika tidak puas hati, boleh buat aduan, jangan guna kekasaran kerana mereka (kakitangan awam) hanya menjalankan tugas.

"Kami (MBPP) memandang serius kes ini," ulas beliau lanjut.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, Kerajaan Negeri menyumbangkan RM1,500 kepada waris keluarga Allahyarham Mohd. Faiz Suhaimi yang merupakan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), yang maut dalam kejadian kemalangan pada 23 Mac lalu.

Guan Eng ketika menyampaikan sumbangan berkaitan berkata, Kerajaan Negeri melahirkan penghargaan terhadap sumbangan Allahyarham Mohd. Faiz yang telah berkhidmat selama dua tahun dengan MPSP.

"Kami (Kerajaan Negeri) memberikan sumbangan RM1,500 kepada keluarga dan takziah diucapkan.

"Saya dimaklumkan bahawa Allahyarham ketika berkhidmat dengan MPSP merupakan kakitangan yang bertanggungjawab," katanya pada sidang media penyerahan sumbangan berkaitan di sini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan waris terdekat Allahyarham.


KETUA Menteri sambil ditemani Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) cuba menenangkan bapa kepada Allahyarham Mohd. Faiz Suhaimi ketika hadir menerima sumbangan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Maimunah turut melahirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

"Saya dimaklumkan bahawa beliau (Allahyarham Mohd. Faiz) merupakan pekerja yang baik dan bertanggungjawab.

"Terima kasih di atas jasanya kepada MPSP, malah selain sumbangan Kerajaan Negeri pada hari ini, MPSP juga telah memberikan sumbangan ketika hari pengebumian Allahyarham," ujarnya sambil menyatakan bahawa kejadian tersebut berlaku di hadapan Depoh Pembersihan Jawi yang mana ketika itu mangsa dipercayai maut dirempuh sebuah teksi ketika ingin melintas jalan.

## Kerajaan Negeri umum pengecualian cukai pintu 1,364 unit kediaman Gat Lebuh Macallum

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan untuk memberi pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 dan 2017 membabitkan 1,364 unit kediaman pangsapuri di Gat Lebuh Macallum.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri pada 29 Mac lalu membuat keputusan itu selepas mengambil kira asas permohonan yang dibuat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat, sebelum ini.

"(Pangsapuri) di Gat Lebuh Macallum sebelum ini dikategorikan sebagai rumah pangsa sahaja, jadi MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) pada masa dahulu hingga sekarang tidak memasukkan ia sebagai KR (rumah kos rendah) atau KSR (kos sederhana rendah).

"Selepas diteliti, didapati rumah-rumah ini boleh dikategorikan sebagai KSR atau KR.

"Semua (1,364 unit kediaman yang dikenal pasti) layak untuk diberikan pengecualian cukai oleh MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) bagi tahun 2016 dan 2017," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini.

Selepas itu, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri melalui MBPP dalam tempoh setahun dianggarkan akan kekurangan kutipan hasil bernilai RM172,023.85.


CHOW Kon Yeow.

Difahamkan, 1,364 unit kediaman yang dikecualikan cukai tersebut adalah 78 unit di Blok 344, Blok 346 (88), Blok 348 (160), Blok 350 (88), Blok 352 (160), Blok 354 (160), Blok 358 (160), Blok 360 (160), Blok 362 (160), U-Shaped Blok 1 (73) dan U-Shaped Blok 2 (77).

*Rujuk juga muka 26.*

## CSR PDC mampu kurang sesak persimpangan Bukit Tambun

**BUKIT TAMBUN** - Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) membelanjakan sejumlah RM7.8 juta sebagai sebahagian tanggungjawab korporat sosialnya (CSR) menerusi pembinaan projek jalan menghubungkan utara *Penang Science Park* (PSP) dengan Persimpangan Jalan Estate, Juru di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan majlis pelancarannya berkata, projek tersebut dilihat mampu mengurangkan kesesakan yang sering berlaku di persimpangan Bukit Tambun.

"Ini merupakan maklum balas para pelabur di sini tentang kesesakan yang sering berlaku di persimpangan Bukit Tambun.

"Selain itu, jalan arteri ini mampu meningkatkan rangkaian pengangkutan jalan raya di kawasan ini, di samping menyediakan tol alternatif akses percuma kepada rakyat," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud; Pegawai Daerah bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Zulkifli Long dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Guan Eng dalam pada itu menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) mahu menjalankan pembangunan seimbang di kawasan pulau dan Seberang Perai.

"Justeru, Kerajaan Negeri membelanjakan 60 peratus perbelanjaan untuk pembangunan di Seberang Perai dan 40 peratus di sebelah pulau, dan ini belum termasuk perbelanjaan PDC. Kita bukan macam kerajaan terdahulu," jelasnya.

Projek sepanjang 880 meter (m) tersebut mula dibina pada bulan November 2016 dan dijangka siap Februari 2018.

Difahamkan pembinaan jalan tersebut juga akan menggalakkan pembangunan PSP yang merupakan kawasan perindustrian seluas 482 ekar.

# RM6.7 juta projek minimum risiko banjir di Permatang Tinggi siap

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**MACHANG BUBUK -** Projek pembinaan parit lencongan (*bypass channel*), penarafan rumah pam serta kerja-kerja pembaikan infrastruktur mengurangkan risiko bencana banjir di sekitar kawasan Permatang Tinggi yang siap sepenuhnya menelan belanja RM6,689,136.70.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek penarafan lima unit pam berkenaan akan mempertingkatkan keupayaan mengepam aliran Parit 4 semasa hujan lebat, melancarkan kadar aliran air dari Permatang Tinggi ke Sungai Junjung, sekaligus mengurangkan risiko banjir kilat di sini kelak.

"JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf rumah pam sedia ada kepada yang berkapasiti lebih tinggi, iaitu lima buah pam dengan kapasiti 2 meter padu per saat (3 unit), 1 meter padu per saat (seunit) dan 0.5 meter padu sesaat (2 unit).

"Jumlah kapasiti kelima-lima pam tersebut adalah 7.5 meter padu per saat berbanding 0.9 meter padu per saat terdahulu," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata demikian pada Majlis Perasmian Rumah Pam Permatang Tinggi di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota serta Pengarah JPS Negeri, Ir. Sabri Abdul Mulok turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Menurut Guan Eng, sejumlah RM150 juta diperuntukan kepada JPS untuk melaksanakan sembilan projek tebatan banjir di negeri ini.

Kon Yeow pula memberitahu, peruntukan RM150 juta itu adalah selepas disusun semula projek di bawah rancangan tebatan banjir (RTB) kemungkinan boleh melaksanakan 10 hingga 11 projek tebatan banjir mengikut keutamaan.

"Terdapat 47 *hotspot* banjir, iaitu lima di Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya (11), Daerah Seberang Perai Selatan (9), Seberang Perai Tengah (11) dan Daerah Seberang Perai Utara (11), yang perlu diberi perhatian di negeri Pulau Pinang.

"Dengan RM150 juta ini, untuk mengurangkan kejadian banjir kilat di 11 lokasi *hotspot* banjir kilat sahaja...baki 36 *hotspot* banjir akan diselesaikan secara berperingkat, iaitu melalui projek tebatan banjir, sama ada menggunakan peruntukan negeri, caruman perparitan atau persekutuan," jelasnya.

Dalam pada itu, Sabri menyatakan bahawa pihaknya berjanji akan memastikan projek RTB lembangan Sungai Pinang dimulakan segera mungkin, paling lewat pada hujung tahun ini.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Rumah Pam Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.**

Terdahulu, Kerajaan Pusat pada pertengahan bulan November lalu mengumumkan kelulusan peruntukan RM150 juta untuk Pulau Pinang, sungguhpun anggaran kos minimum untuk fasa kedua RTB Sungai Pinang yang dimohon oleh JPS adalah kira-kira RM350 juta.

Pusat meluluskan peruntukan tersebut selepas Guan Eng mengumumkan kelulusan segera peruntukan sejumlah RM665,000 untuk JPS melaksanakan tujuh RTB berskala kecil ketika fenomena hujan lebat, limpahan air sungai dan banjir kilat melanda beberapa kawasan di bahagian pulau.

Pada 15 November lalu di persidangan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), Guan Eng mengumumkan sejumlah RM220 juta untuk pengurusan pencegahan banjir dalam Bajet 2017 Pulau Pinang yang merupakan peruntukan paling besar dalam sejarah belanjawan negeri ini.

## P. Pinang tak import ayam dari Kelantan, elak risiko wabak selesema burung - Exco

**PINANG TUNGGAL –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa Pulau Pinang langsung tidak mengimport hasil ternakan ayam dari Kelantan yang baru-baru ini terdedah kepada risiko wabak selesema burung (H5N1).




**DR. Afif Bahardin (depan, empat dari kiri) diiringi Dr. Siti Salmiyah Tahir (depan, tiga dari kiri) merakamkan gambar kenangan dengan para penerima vaksin FMD babi dalam suatu majlis di Kampung Selamat di sini baru-baru ini.**

"Pulau Pinang memang tak import ayam dari Kelantan, tapi lebihan hasil ternakan ayam di negeri ini memang dieksport ke luar dari Pulau Pinang, termasuk ke Kelantan.

"Jadi, rakyat Pulau Pinang tidak perlu risau kerana jaminan keselamatan makanan ayam dalam pasaran Pulau Pinang bukan sahaja cukup daripada segi kuantiti, malah juga kualiti," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Majlis Agihan Vaksin FMD Babi Kepada Para Penternak dekat Kampung Selamat di sini baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri, Dr. Siti Salmiyah Tahir turut berucap pada majlis tersebut, malah pegawainya, Dr. Choo Li Chen sebelum itu memberikan penjelasan lanjut mengenai Enakmen Penternakan Babi 2016 kepada para penternak.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, sektor ternakan babi di Pulau Pinang juga boleh terjejas seperti sektor ternakan ayam di Kelantan, jika tidak melaksanakan peladangan secara moden.

"Empat kriteria *modern pig farming* yang telahpun digariskan, iaitu, sistem penternakan babi secara tertutup; mempunyai kawasan penampan; *zero discharge* dan *good animal husbandry practices* (GAHP).

"Dengan adanya enakmen ini, diharapkan industri penternakan babi di Pulau Pinang akan terus berkembang dan masalah berkaitan pencemaran bau serta kacau ganggu lalat dapat dikurangkan," ujarnya sambil menyatakan bahawa enakmen baharu itu akan dikuatkuasakan pada 2019.

Justeru, Afif menasihatkan semua penternak babi supaya menyegerakan pelaksanaan kaedah peladangan moden masing-masing, demi mengelak risiko wabak yang ketika ini menjejaskan pendapatan penternak ayam di Kelantan.

"Di Malaysia, hanya Pulau Pinang sahaja yang memberikan vaksin FMD Babi secara percuma.

"Bagaimanapun, kes positif FMD Babi telah dikesan dari tujuh ladang di Kampung Valdor pada penghujung tahun 2016.

"Justeru, saya sekali lagi ingin menasihatkan supaya semua babi diberi vaksin dua kali setahun agar ada cukup daya tahan melawan atau menghalang penyakit FMD daripada terjangkit," serunya.

Pada tahun 2017, difahamkan, Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan sejumlah RM196,330 untuk agihan 677 botol vaksin FMD kepada para penternak berwajib meliputi kelima-lima daerah di negeri Pulau Pinang.

## Tiada aktiviti tambakan laut di selatan bahagian pulau P. Pinang sehingga kelulusan EIA (Jadual Kedua) diperoleh - Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Laulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow mengesahkan bahawa tiada sebarang aktiviti tambakan laut dijalankan di selatan bahagian pulau Negeri Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian sebagai respons terhadap kenyataan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar baru-baru ini dengan merujuk kepada laporan media Bernama bertajuk, '*DOE yet to get EIA report on Penang Reclamation Project*'.

Menurut Kon Yeow, sehingga hari ini, tiada kerja-kerja ataupun aktiviti tambakan laut dijalankan di selatan bahagian pulau, Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri mengesahkan sehingga kini tiada kerja-kerja tambakan laut di lokasi tersebut dijalankan oleh mana-mana pihak termasuk rakan pelaksana projek (PDP), SRS Consortium Sdn. Bhd..

"Juga saya ingin menegaskan bahawa sebarang kerja-kerja tambakan bagi projek tersebut tidak akan dijalankan sehingga kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) Terperinci (Jadual Kedua) diperoleh daripada jabatan kerajaan yang bertanggungjawab," jelasnya pada sidang media di sini 5 April lalu.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri kini dalam peringkat penyediaan draf akhir Laporan EIA Terperinci (Jadual Kedua) bagi projek tambakan laut di selatan bahagian pulau Pulau Pinang itu.

"Sememangnya, Kerajaan Negeri masih belum mengemukakan Laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kita (Kerajaan Negeri) secara komprehensif akan menyediakan semua Laporan EIA termasuk lapan jilid kajian, iaitu Kajian Impak Alam Sekitar, Kajian Hidraulik, Kajian Impak Perikanan, Kajian Impak Sosial, Kajian Impak Trafik, Kajian Kualiti Air, Kajian Pendaratan Penyu dan Kajian Impak Tsunami.

"(Dan) kesemuanya akan dihantar kepada JAS selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kawal Selia Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) melalui mesyuaratnya tahun lalu," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, pihaknya akan mengemukakan Laporan EIA selewat-lewatnya hujung bulan April ini selepas membuat perincian.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri sentiasa berpegang dan menghormati undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan dalam mana-mana projek, sebelum melaksanakannya.

Malah, jelas beliau, Kerajaan Negeri tidak sama sekali akan memulakan kerja secara haram selagi tidak mendapat kelulusan berwajib.

Sementara itu, pada majlis sama, Kon Yeow turut mengumumkan Ketua Jurutera baru bagi mengemudi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang, Dato' Ir. Ang Aing Thye bersama-sama jurutera berwajib, Ir. R. Dharsini berkuat kuasa 1 Mac lalu.

# Tradisi lepaskan ikan keli Afrika bunuh ekosistem Sungai Perai - Exco

Gambar : **EXCO**

**BAGAN JERMAL -** Upacara ritual melepaskan ikan keli baka asing dari Afrika pada jumlah yang banyak ke dalam Sungai Perai sejak 2002 boleh mengakibatkan ekosistem habitat tempatan kian terjejas.

Justeru, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, pemeriksaan berwajib yang dilaksanakan Jabatan Perikanan Negeri mendapati Sungai Perai kini didominasi habitat ikan keli asing tersebut, hatta membahayakan ekosistem di sungai berkenaan.

Lanjutan itu, Afif menasihatkan supaya kumpulan yang melaksanakan upacara ritual dipercayai di sebuah kuil, Taman Sentral dekat Mak Mandin di sini supaya melepaskan ikan baka tempatan sahaja pada masa hadapan.

"**Ikan keli asing ini adalah karnivor, apabila dilepaskan terlalu banyak akan menjadi haiwan pemangsa dalam rantaian makanan serta akan memakan hidupan laut lain, seperti ikan-ikan kecil dan udang tempatan.**

"**Kita tidak pernah menghalang mereka daripada melaksanakan nazar melalui upacara ritual sebegini atas kepercayaan masing-masing bahawa ia boleh memanjangkan umur.**

"**Tetapi, gantikan ikan keli Afrika ini dengan melepaskan spesies tempatan seperti ikan lampam (ikan duri) atau udang (baka tempatan) yang dibenarkan ke dalam sungai**," responsnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ketika mengadakan lawatan ke kuil berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri, Noraisyah Abu Bakar.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, Jabatan Perikanan Negeri akan memacak papan tanda informasi mengenai larangan melepaskan 34 spesies ikan baka asing yang mampu menjejaskan ekosistem sungai di sini.




"Kita harap dapat kerjasama daripada semua pihak dan orang awam di sini demi memulihara ekosistem habitat sungai kita," serunya.

Dalam perkembangan lain, Afif menyatakan bahawa Jabatan Perikanan Negeri sepanjang tahun lepas, direkodkan membelanjakan sejumlah RM130,000 dengan melepaskan ikan dan spesis hidupan laut lain, termasuk 152,000 anak udang galah demi memulihkan ekosistem air di negeri ini.



**DR. Afif Bahardin dan Noraisyah Abu Bakar memerhatikan 'gelongsor' khas yang digunakan untuk upacara pelepasan ikan ke dalam Sungai Perai pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.**

## Pulau Pinang lancar Jawatankuasa Ops Lumpur, pantau hakisan dan sedimentasi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Exco baru-baru ini bersetuju untuk menubuhkan suatu jawatankuasa dan pasukan petugas khas dikenali Jawatankuasa Ops Lumpur yang berperanan memantau operasi pemeriksaan pematuhan syarat-syarat kelulusan kerja tanah atau pelan kawalan hakisan serta kelodak (ESCP) bagi seluruh negeri.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika mengumumkannya berkata, penubuhan jawatankuasa tersebut diharap dapat mengawal dan mengurangkan risiko banjir lumpur yang berlaku di tapak-tapak binaan, di samping memantau sebarang pencemaran melibatkan kualiti air, hakisan dan sedimentasi (enapan).

"Sasaran Jawatankuasa Ops Lumpur ini pastinya projek-projek pembangunan dan binaan yang telah mendapat kelulusan merancang di seluruh negeri Pulau Pinang mengikut pembahagian sama ada di peringkat negeri yang akan diterajui oleh Jawatankuasa Induk atau Jawatankuasa Pelaksana di peringkat daerah oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing.

"(Dan) sama ada pemaju atau wakil projek pembangunan berkaitan mematuhi atau gagal mematuhi Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) atau Penilaian Terperinci Kesan Alam Sekitar (DEIA) atau pelan kerja tanah, jawatankuasa ini akan menjalankan pemantauan dan melaksanakan penguatkuasaan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan 2012) (Akta A1441), Jabatan Alam Sekitar (JAS) atau di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Pihak Berkuasa Tempatan," jelasnya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Ops Lumpur Bil.1/2017 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Ir. Sabri Abdul Mulok dan Timbalan Pengarah JPS Sektor Pengairan & Saliran, Ir. S. Ratna Rajah.

Wakil-wakil dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), JAS, Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri (BPEN), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jurutera Daerah dan Pegawai Daerah bagi kelima-lima daerah turut serta dalam mesyuarat tersebut.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa pihaknya kini giat merangka pelan tindakan strategik jangka pendek dan panjang bagi memantau serta melaksanakan operasi.

"Kami (Jawatankuasa Ops Lumpur) menjangkakan operasi pertama pada suku kedua tahun ini dan Jawatankuasa Pelaksana yang dilantik bagi operasi ini akan menjalankan pemeriksaan mengikut kepakaran masing-masing menggunakan senarai semak *standard operating procedure* (SOP).

"(Dan) Jawatankuasa Pelaksana digalakkan melaksanakan operasi bukan sahaja semasa musim hujan, tetapi sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi setiap daerah di Pulau Pinang.

"JPS dan JAS pula akan menumpukan aspek pematuhan ESCP dan tindakan penguatkuasaan akan ditentukan berdasarkan akta yang telah ditetapkan. Sekiranya perlu, pemantauan susulan akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pelaksana dan segala hasil pemeriksaan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Induk dalam tempoh tujuh hari selepas operasi," ujarnya.

Jawatankuasa Ops Lumpur Peringkat Negeri (Induk) akan dipengerusikan Kon Yeow dan Hock Seng serta Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa berkaitan.

Manakala di peringkat daerah, Jawatankuasa Pelaksana akan dipengerusikan oleh Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail bagi kawasan pulau dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Seberang Perai.

JPS dilantik sebagai urusetia bagi kedua-dua peringkat jawatankuasa berkaitan.

## Persiaran Gurney ke-13 jalan paling menarik untuk dilawati di dunia sebelum mati, lapor *traveller.com.au*

**GEORGE TOWN -** Persiaran Gurney di negeri ini disenaraikan di kedudukan ke-13 daripada keseluruhan 25 lokasi sebagai jalan paling menarik yang mesti dilawati di dunia sebelum mati, lapor portal berita atas talian antarabangsa, *traveller.com.au* (Traveller).

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pengiktirafan terbaru itu akan menggandakan usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan potensi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan sedunia.

"Ini sekali lagi pencapaian selepas dipilih oleh CNN (mengenai) daripada 17 tempat paling baik untuk dilawati di dunia, George Town atau Pulau Pinang muncul nombor dua.

"Ini suatu lagi pencapaian untuk negeri Pulau Pinang, tentu Kerajaan Negeri akan berusaha memaju dan membangunkan sektor pelancongan di Pulau Pinang," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang serta Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Traveller pada 20 Mac lalu antara lain melaporkan, "*Sorry Thailand, it's not you: Southeast Asia's new hotspot for cuisine*", serta menjelaskan bahawa Pulau Pinang menawarkan sajian makanan di jalanan yang enak di rantau ini.

Mengulas pautan laporan di portal pelancongan tersebut, Guan Eng berkata, "tentu ini Pulau Pinang lah."

Pautan penuh, *http://www.traveller.com.au/worlds-most-amazing-streets-to-visit-before-you-die-gun147*

# Kempen *Islam Rahmatun Lil 'Alamin* mampu jernih salah faham semua pihak - Exco

**TELUK BAHANG -** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim optimis agenda mempromosi Islam Rahmat ke Seluruh Alam adalah lebih mudah memandangkan kebudayaan rakyat yang berbilang kaum begitu majmuk di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Karnival Mahabbah 2017, iaitu salah satu acara Program Jelajah Exco Ke Teluk Bahang baru-baru ini.

"Walaupun Islam itu muncul di Makkah, tetapi tahap perkembangannya yang ketara selepas penghijrahan Rasulullah S.A.W. ke Yatrib atau Madinah.

"Faham asabiah jahiliah Arab di Makkah begitu tebal, tapi di Madinah budayanya begitu pelbagai dan ada toleransi antara kaum dengan Rasulullah S.A.W.

"Justeru, saya begitu optimis bahawa kempen *Islam Rahmatun Lil 'Alamin* ini bukan sahaja mampu menjernihkan salah faham semua pihak pada Islam, malah mampu menghakis sentimen perkauman yang ditiupkan oleh pihak pembangkang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung pada majlis berkaitan di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga ADUN Pantai Jerejak dan isteri merupakan tetamu utama karnival tersebut.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail.



**PENYANYI utama Kumpulan Khalifah beramah-mesra dengan peminat-peminat cilik yang hadir.**

Serentak dengan penganjuran karnival tersebut, turut dilangsungkan adalah forum dakwah, "Islam Dan Melayu" yang menampilkan 'Pencetus Ummah' Mohamad Amirul Amin Maula Lokman Hakim atau lebih 'PU Amin' selaku moderator.

Forum itu membariskan tiga panelis terkenal, iaitu Timbalan Presiden Persatuan Saudara Baru Darul Fitrah, "Xifu Naser"; Pengasas Persatuan Mubaligh Negeri Sembilan, Zamri Vinoth Abdullah dan Pengasas Sekolah Pemikiran Asy-Syatibi, Ustaz Wan Ji Wan Hussin Al-Bakistani.

## Harap pinjaman PTSR kembangkan modal perniagaan desa - Rashid




**MOHD. Rashid Hasnon (tengah) menyampaikan pinjaman PTSR kepada salah seorang penerima ketika mengetuai Jelajah Exco DUN Teluk Bahang di sini baru-baru ini.**

**TELUK BAHANG -** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap semua 34 individu yang menerima RM239,000 dana pinjaman mikrokredit di bawah skim Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) baru-baru ini dapat mengembangkan modal perniagaan desa masing-masing di kawasan Parlimen Balik Pulau.

"Pinjaman mikrokredit ini adalah bantuan Kerajaan Negeri sebagai tambahan modal kepada mereka yang telah pun melaksanakan aktiviti perniagaan.

"Tapi, kalau nak basmi kemiskinan, perlu ada koperasi yang anggotanya terlibat secara langsung dalam aktiviti mengeluarkan produk di Balik Pulau ini, bukan sekadar menanam modal untuk mendapatkan hasil tahunan sahaja," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat ketika mengetuai Program Exco Turun Padang Ke Teluk Bahang di sini.

Turut serta, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan Mohd. Tuah Ismail (PPK Pulau Betong).

Pada majlis sama, Mohd. Rashid turut menyampaikan sumbangan RM200 Skim Anak Emas kepada 30 waris penerima.

Selain itu, Afif turut menyampaikan 49 kit pertanian kepada usahawan muda tempatan terpilih.

Gotong-royong bersebelahan gelanggang futsal Teluk Bahang, lawatan ke dua rumah bina baharu, bengkel buat sabun, Kenduri Mesra Rakyat, Karnival Mahabbah dan Konsert Amal Kumpulan Khalifah antara acara utama yang menarik sepanjang dua hari berlangsungnya program tersebut.

## Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dinaik taraf



**LIM Hock Seng (tiga dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil pihak berkaitan meneliti pelan naik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu pada sesi lawatan dan sidang media di sini baru-baru ini.**

**SUNGAI PINANG -** Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng meminta semua pengguna Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu supaya lebih berhati-hati dan mematuhi papan-papan tanda arahan yang diletakkan di sepanjang jajaran berdekatan Sungai Pinang menghala ke Persiaran Karpal Singh ekoran kerja-kerja naik taraf yang dijalankan di sini.

Hock Seng memaklumkan bahawa laluan menghala ke Persiaran Karpal Singh kini dalam proses naik taraf (sejak penghujung Mac 2017).

"Kerja-kerja menaik taraf ini dijangka memakan masa selama dua hingga tiga bulan bergantung kepada keadaan cuaca semasa. Antaranya, penurapan semula permukaan jalan dan meratakan struktur mendap.

"(Dan) kerja-kerja dilakukan pada tengah malam iaitu sekitar 12 tengah malam sehingga 6 pagi setiap hari bagi mengelakkan sebarang kesesakan, jadi sekiranya anda menggunakan laluan ini, sila berhati-hati dan lebih peka terhadap papan tanda arahan yang diletakkan," jelasnya pada sidang media sejurus mengadakan pemantauan kerja-kerja naik taraf di lebuhraya tersebut baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Saiful Azwan Abdul Malik; Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pengurus Kanan IJM Land (syarikat pemaju), Fung Choon Fuoi.

Difahamkan, kerja-kerja naik taraf laluan sepanjang 2.7 kilometer (km) itu membabitkan kos bernilai RM1.4 juta menggunakan dana daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang.

# Parasailing, MBPP harap pengusaha berdaftar guna bot berpelantar



DEMONSTRASI menaikkan penumpang parasailing menggunakan bot berpelantar.




CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri), Patahiyah Ismail (bertudung) dan Ar. Yew Tung Seang (empat dari kanan) menunjukkan pelekat permit dengan berlatarbelakangkan sebuah bot berpelantar pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU FERRINGHI –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mensasarkan kira-kira 10 bot berpelantar akan beroperasi bagi menjalankan aktiviti pantai di sepanjang jajaran pantai Batu Ferringhi di sini awal tahun depan.

Datuk Bandarnya, Dato' Patahiyah Ismail berkata, pihaknya berharap pada awal 2018, semua pengusaha lancang air Pulau Pinang yang menjalankan aktiviti parasailing akan menggunakan bot berpelantar sepenuhnya, dan aktiviti parasailing di kawasan pantai tidak lagi diadakan.

"Kini, sebanyak lima bot berpelantar dilesenkan Jabatan Laut Malaysia (Wilayah Utara) dan MBPP juga telah meluluskan permit parasailing kepada pengusaha yang berdaftar dengan Majlis serta yang menjadi ahli persatuan.

"Kita (MBPP) mengambil maklum akan keperluan menggunakan bot jenis ini yang memerlukan kos besar iaitu sekitar RM200,000 untuk sebuah bot.

"Justeru, adalah menjadi harapan Majlis pada awal tahun hadapan (2018), semua 23 pengusaha parasailing berdaftar bakal menggunakan bot berpelantar sepenuhnya dan aktiviti di kawasan pantai tidak lagi diadakan selain daripada menaik serta menurunkan penumpang sahaja," jelasnya pada sidang Majlis Pelancaran Bot Berpelantar di jajaran pantai Batu Ferringhi di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang, Mohamad Akbar Mustapha (Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP), Ketua-ketua Jabatan MBPP, wakil-wakil dari Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Persatuan Lancang Air Pulau Pinang hadir sama.

Mengulas lanjut, Patahiyah memberitahu, hasil perbincangan bersama persatuan dan beberapa pihak berkepentingan, MBPP telah bersetuju terhadap syarat mewajibkan setiap pelanggan yang menaiki parasailing supaya ditemani oleh seorang jurulatih berpengalaman sebagai tempoh percubaan selama setahun.

"Walau bagaimanapun, sekiranya kemalangan masih berlaku sama ada melibatkan pelanggan atau pengunjung pantai, maka pihak Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak untuk menarik balik kebenaran tersebut dan mewajibkan penggunaan bot berpelantar sepertimana yang telah ditetapkan," ujar beliau.

# Penang @CAT pemangkin strategik masa hadapan revolusi digital

**GEORGE TOWN –** Penang @ CAT yang terletak di Wisma Yeap Chor Ee di sini berperanan sebagai pusat pemangkin strategik dalam memacu ekonomi negeri serta kemunculan teknologi baru ke arah revolusi digital.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melihat kemunculan teknologi baru tersebut sebagai suatu peluang besar dalam industri berasaskan teknologi terutama bagi komuniti usahawan, syarikat multinasional (MNC) dan perusahaan kecil dan sederhana (SME).

"Kemunculan revolusi digital sejajar dengan kemunculan teknologi baru dan ia berlaku sepantas kilat.

"Justeru, kita perlu menghadapinya dan menyesuaikan keadaan dengan kemunculan teknologi baru ini termasuk *Big Data Analytics* (BDA), dagang elektronik atau e-dagang, perkomputeran berasaskan internet (*cloud computing*), *Internet of Things* (IoT) dan *crowd sourcing*," ucapnya pada Majlis Perasmian Program Penang @CAT baru-baru ini.

Pada majlis sama, Guan Eng turut melancarkan lima program tetap yang akan dikendalikan di Penang @CAT sepanjang tahun, antaranya, *Penang @CAT Online Community Platform*, *Startup Connect Gathering*, Bengkel Business Model Canvas, kelas percuma secara bulanan *Product Management Essentials* dan *Founder Institute Penang 2nd Batch* yang bakal bermula Mei ini.

Selain itu, beliau turut menyeru pemain industri dan komuniti teknologi untuk berganding bahu bersama-sama Kerajaan Negeri memaksimakan program-program pembangunan teknologi dan ekonomi digital sebegini pada masa hadapan.

"Dalam abad ke-21 ini, generasi alaf baru merupakan pengubah strategik bagi meneruskan pembangunan berasaskan inovasi dan digital, khususnya bagi usahawan serta pemain industri yang masih baru.

"Saya berharap agar usaha yang dilaksanakan Kerajaan Negeri hari ini mampu menjadi pemangkin strategik pada masa hadapan khususnya yang berkaitan dengan revolusi digital," ujar Guan Eng.

Dalam pada itu, Pengarah Program Penang @CAT, Howie Chang ketika ditemui berkata, Program Penang @CAT menyediakan platform permulaan yang bakal membantu para usahawan, syarikat-syarikat MNC, SME dan komuniti teknologi menyesuaikan diri dengan perubahan pantas masa kini.

Penang @CAT merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *investPenang* (iP) dan PDC dalam menyediakan platform bagi perkongsian perkhidmatan, pengetahuan dan program-program berasaskan sains, teknologi, matematik serta kejuruteraan sebagai pemacu kreativiti, analisis dan teknologi.

Maklumat lanjut, sila layari laman sesawang *http://www.acatpenang.com*.



# Muzium Lebuh Farquhar ditutup untuk kerja pemulihan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri akan merestorasi dan memulihkan bangunan Muzium Negeri Pulau Pinang di Lebuh Farquhar yang telah menjangkau usia lebih 200 tahun mengikut piawaian antarabangsa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, pihaknya telah memperoleh kebenaran dari Jabatan Warisan Negara, dan bangunan tersebut akan mula ditutup kepada orang ramai bermula 15 April ini.

"Kerja-kerja mentransformasi dan memulihkan bangunan warisan negara berusia lebih 200 tahun ini akan mengambil masa selama 2 tahun.

"Sepanjang kerja-kerja restorasi dan pemulihan dijalankan, muzium sementara akan ditempatkan di Jalan Macalister," jelasnya yang merupakan Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad.

Menurut Haryany, kos restorasi dan pemulihan muzium sepanjang dua tahun adalah mencecah RM20 juta.

Mengulas lanjut ketika ditanya mengenai kos berkaitan, Guan Eng menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri telah mengadakan rundingan bersama sebuah syarikat dari Eropah, *Aga Khan Trust for Culture* (AKTC).



**HARYANY Mohamad.**

"Sudah tentu pihak Kerajaan Negeri akan berikan sumbangan.

"Kita anggarkan kerja pemulihan bernilai RM2 juta, manakala selebihnya (RM18 juta) adalah untuk kerja-kerja restorasi memandangkan bangunan ini, yang ditubuhkan pada 1817 tidak pernah melalui sebarang kerja naik taraf sebelum ini.

"Kerajaan Negeri tidak ada kemampuan untuk mengeluarkan keseluruhan RM20 juta, maka jika ada sebarang sumbangan daripada pihak-pihak lain termasuk AKTC, kita akan jalankan projek restorasi ini," jelas beliau.

*Dari muka 3.*

## Kerajaan Negeri tumpu pembangunan seimbang pulau, Seberang Perai

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini menumpukan pembangunan seimbang yang memberi manfaat sama rata antara bahagian pulau dan Seberang Perai.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sejak tahun 2008, iaitu selepas Pakatan Rakyat (kini Pakatan Harapan) mengambil alih pentadbiran negeri, Kerajaan Negeri memberikan tumpuan penuh terhadap pembangunan seimbang antara bahagian pulau dan Seberang Perai.

Misalnya, menurut beliau, **projek pembangunan di bawah Kerajaan Negeri sendiri bagi bahagian Seberang Perai sejak 2008 mencecah RM182 juta atau 59.55 peratus berbanding perbelanjaan pulau (RM123 juta, 40.45 peratus).**

**"Begitu juga bagi projek pembangunan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), 82.45 peratus atau RM1,886 juta dibelanjakan berbanding hanya 17.55 peratus atau RM401 juta bagi bahagian pulau.**

**"Manakala, projek-projek pembangunan di bawah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) pula mencecah RM311 juta atau 64 peratus perbelanjaan dibelanjakan di bahagian Seberang Perai berbanding pulau (RM173 juta, 36 peratus).**

**"Angka-angka ini jelas menunjukkan Kerajaan Negeri hari ini memberi tumpuan pembangunan seimbang terhadap kawasan di Seberang Perai, dalam erti kata lain, Kerajaan Negeri hari ini membetulkan keadaan di bawah pentadbiran terdahulu.**

"Lagipun, hasrat kita (Kerajaan Negeri) adalah menjadikan Pulau Pinang bertaraf antarabangsa dan untuk mencapainya, pembangunan seimbang perlu dilaksanakan," ujar Guan Eng pada sidang media di sini 31 Mac lalu.

Dalam pada itu, beliau turut berharap agar pihak-pihak yang cuba memainkan isu bahawa Kerajaan Negeri hari ini mengabaikan pembangunan di Seberang Perai supaya menghentikan membuat andaian.

"Harap jangan sebutkan kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) mengabaikan kawasan Seberang Perai.

"Benar, tapi itu dulu, di bawah Kerajaan Negeri terdahulu, kini tidak lagi," katanya yang menyangkal dakwaan sesetengah pihak kononnya projek-projek pembangunan lebih ditumpukan di bahagian pulau.



# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN: "Saya ❤ Pulau Pinang"

**HADIAH UTAMA**
Pertama: RM500
Kedua: RM300
Ketiga: RM200

SAYA ❤ PULAU PINANG
#UntukNegeriKita™

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 42 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Saya ❤ Pulau Pinang" dan mempunyai hashtag, #UntukNegeriKita.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah hak milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, **31 Julai 2017.**

Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ______________________

*Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.*


javenue Light Industrial Park

FASA 2







5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA
HAK MILIK KEKAL

H/P: 012-427 2892

Industri Ringan 2 Tingkat Sesebuah

Jumlah Unit : 2
Keluasan Tanah : 13,478 kps (min)
15,283 kps (maks)
Keluasan Binaan : 3,316 kps (min)
4,088 kps (maks)
Harga Jualan : Dari
RM 2,800,000.00 (min)
RM 3,280,000.00 (maks)

Industri Ringan 2 Tingkat Berkembar

Jumlah Unit : 8
Keluasan Tanah : 7,200 kps (min)
12,613 kps (maks)
Keluasan Binaan : 3,920 kps (min)
4,992 kps (maks)
Harga Jualan : Dari
RM 2,000,000.00 (min)
RM 2,980,000.00 (maks)

Pelan Lokasi






TARIKH DIJANGKA SIAP : TAHUN 2017

Pemaju:
tps Properties
長虹置地私人有限公司
TPS Properties Sdn. Bhd. (1061984-D)
No.6, Tingkat 1, Jalan Daya Maju, Pusat Perniagaan Daya Maju
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia
t: 04-537 3877 f: 04-537 3876
e: tpspropertiessdnbhd@gmail.com

**Ucapan Perbahasan RUU Perbekalan Tambahan (2016) 2017 pada 27 Mac 2017.**

# 1 Murid 1 Peranti

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Felo Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera**

Tuan yang dipertua,

**TITAH** Diraja yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 6 Mac 2017 menandakan pembuka tirai penggal kelima Majlis Parlimen ke-13. Ini bermaksud sudah lima penggal kita bermesyuarat sejak tahun 2013. Adakah mesyuarat kali ini merupakan yang terakhir sebelum rakyat memilih Parlimen ke-14? Kita masih tidak tahu, namun yang pastinya pilihan raya umum akan menjelang tidak lama lagi.

Dalam masa terdekat, kita boleh menjangkakan setiap pihak akan mula menjaja janji-janji manis agar dapat menawan hati dan undi rakyat. Pun begitu, saya tidak mahu menyentuh mengenai janji-janji akan datang. Sebaliknya, saya ingin bertanya mengenai janji-janji lalu.

Secara khusus, saya masih ingat dengan jelas, salah satu janji Kerajaan Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum ke-13. Izinkan saya memetik daripada surat khabar The Star pada 9 April 2013 yang menyebut: "*The Government will provide every school student with a laptop next year if Barisan Nasional is returned to power*."[1]

Dalam erti kata lain, sekiranya Barisan Nasional menang, maka setiap murid di negara kita akan dibekalkan dengan sebuah komputer mudah alih agar mereka dapat memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dalam pembelajaran mereka. Kini, pilihan raya seterusnya sudah hampir tiba, namun apakah status janji manis ini?

Dari segi penterjemahan kepada dasar, program ini diberikan jenama '1 Murid 1 Peranti' ataupun *1 Student 1 Device*, di mana setiap seorang murid akan menerima sebuah peranti untuk kegunaan mereka. Walau bagaimanapun, apabila saya mengajukan soalan kepada Menteri Pendidikan mengenai status program ini, jawapannya adalah bahawa 116,399 unit Chromebook, iaitu sejenis komputer mudah alih, telah dibekalkan oleh syarikat YTL, dengan kos RM248 juta.

Saya memang insaf bahawa saya tidak begitu arif dalam mata pelajaran Matematik semasa di bangku sekolah, tetapi saya pasti bahawa 116,399 itu amat jauh berbeza dengan bilangan murid di negara kita, iaitu lebih kurang 10 juta orang. Malah jika dipuratakan dengan bilangan sekolah, ia bersamaan dengan lebih kurang 20 unit Chromebook sahaja bagi setiap sekolah.

Pembekalan Chromebook ini secara sendirinya juga menimbulkan pelbagai persoalan, seperti kosnya yang agak tinggi – lebih kurang RM2,130 seunit jika dibahagikan. Kos seunit itu jauh lebih mahal berbanding Chromebook yang boleh dibeli secara langsung dengan harga dalam lingkungan RM988 hingga RM1,299 seunit daripada syarikat pembuat asalnya, Samsung atau Acer. Meskipun dibekalkan dengan perisian dan sebagainya, namun bukankah YTL juga merupakan kontraktor bagi projek 1BestariNet yang bukan sahaja meliputi infrastruktur internet jalur lebar tetapi juga perisian atas talian melalui pelantar pembelajaran maya (*virtual learning environment*)? Mengapakah perlu dibayar kos lebihan bagi perisian dalam *Chromebook*? Dalam pada itu, mengapakah *Chromebook* itu tidak dibeli terus daripada *Samsung* atau *Acer* tetapi dibeli pula daripada YTL yang sudah mempunyai monopoli 1BestariNet bagi semua sekolah? Adakah tender terbuka dibuat bagi pembekalan *Chromebook ini*?

Balik kepada program 1 Murid 1 Peranti – saya setuju jika Kerajaan mengatakan adalah terlalu mahal untuk membekalkan seunit *Chromebook* atau apa-apa peranti lain sekali pun kepada setiap seorang daripada 10 juta murid di negara kita. Oleh yang demikian, saya ingin tahu mengapakah boleh Kerajaan membuat janji yang jelas tidak boleh ditepati? Bagaimanakah rakyat mahu percaya janji Kerajaan menjelang PRU ke-14, jika manifesto PRU ke-13 tidak dapat ditunaikan?

**PISA 2015**

Tuan yang dipertua,

**Saya** ingin sambung dengan membangkitkan isu keputusan program penilaian PISA (*Programme for International Student Assessment*) 2015 yang dikeluarkan pada bulan Disember tahun lepas.

Terlebih dahulu, sebagaimana Dewan yang mulia ini maklum, penilaian PISA ini melibatkan setengah juta murid sekolah berusia 15 tahun dari 72 buah negara. Fokus penilaian yang dilaksanakan setiap tiga tahun ini adalah terhadap tahap kefahaman dan kemahiran murid dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan membaca.

Penilaian PISA ini dilakukan mengikut piawaian antarabangsa dan ingin saya tegaskan bahawa penilaian ini tidak dilakukan dalam bahasa Inggeris tetapi berdasarkan bahasa pengantar pendidikan sesebuah negara itu. Penilaian PISA yang dijalankan oleh OECD (*Organisation for Economic Cooperation and Development*) ini juga rata-ratanya diterima di seluruh dunia sebagai penanda aras bagi mengukur kedaya saingan sistem persekolahan sesebuah negara. Malah, semasa lawatan saya ke Kementerian Pendidikan di United Kingdom baru-baru ini, pegawai mereka telah menegaskan perkara ini kepada saya.

Justeru, adalah mendukacitakan apabila saban tahun prestasi PISA bagi murid kita semakin merudum dan merosot. Kali pertama Malaysia mengambil bahagian pada tahun 2009, skor murid kita untuk kemahiran membaca adalah 414 mata dengan kedudukan pada tangga ke-55, 404 mata untuk Matematik pada tangga ke-57 dan 422 mata bagi subjek Sains pada tangga ke-52. Jika kita perincikan lagi, kita akan mendapati bahawa hanya 1.3 peratus murid kita berjaya menempatkan diri dalam kelompok *Top Performers* (Tahap 5-6). Keputusan ini langsung tidak membanggakan jika dibandingkan dengan negara-negara serantau seperti Singapura di mana 40 peratus muridnya dikategorikan sebagai *Top Performers*, Taiwan 37.2 peratus, Hong Kong 33.7 peratus dan Korea Selatan 30.9 peratus.

Pada tahun 2012, kedudukan keseluruhan kita jatuh lagi, hampir ke tangga tercorot, pada kedudukan 52 daripada 65 buah negara yang mengambil bahagian. Kali ini, kemahiran membaca murid kita mendapat hanya 398 mata pada tangga ke-59, manakala Matematik mendapat 421 mata pada tangga ke-52 dan Sains dengan 420 mata pada tangga ke-53. Penilaian pada tahun 2012 ini juga menyerlahkan hakikat bahawa 51.8 peratus murid kita tidak memiliki kecekapan asas dalam Matematik (di bawah Tahap 2).

Setelah mencatat keputusan teruk secara berturut-turut ini, Menteri Pendidikan pada waktu itu menjanjikan penilaian PISA seterusnya akan menampilkan hasil yang lebih baik. Maka, pada 6 Disember 2016 yang lalu, Kerajaan dengan bangganya mengumumkan bahawa pencapaian murid kita dalam penilaian PISA 2015 telah meningkat berbanding penilaian 2012. Malaysia mencatatkan peningkatan keputusan dengan kemahiran membaca mencapai 431 mata pada kedudukan ke-50, iaitu peningkatan sebanyak 9 anak tangga berbanding 2012. Manakala bagi kemahiran Matematik, Malaysia mencatatkan 446 mata pada kedudukan ke-45, peningkatan 7 anak tangga dan Sains mencatatkan 443 mata pada kedudukan ke-47, peningkatan sebanyak 6 anak tangga.

Sudah tentu keputusan ini patut diraikan. Akan tetapi, kegembiraan kita itu diranapkan apabila semakan yang dibuat terhadap laporan rasmi PISA mendapati bahawa Malaysia tidak tersenarai dalam kalangan 72 buah negara yang mengambil bahagian. Laporan rasmi PISA menyatakan Malaysia, bersama dengan Albania, Argentina dan Kazakhstan, telah dikeluarkan daripada senarai 2015 kerana data yang diperolehi tidak boleh digunakan untuk perbandingan.

Menurut laporan tersebut, hanya 51 peratus kadar maklumbalas daripada sekolah di Malaysia berjaya diperolehi, jauh daripada kadar minimum yang diperlukan, iaitu 85 peratus. 51 peratus ini melibatkan 9,660 murid Tingkatan 3 daripada 230 buah sekolah dan 5,750 orang guru. Anehnya, sebelum ini, kadar penyertaan murid Malaysia secara lazimnya adalah tinggi. Contohnya, pada tahun 2009, 99.3 peratus murid terlibat, dan pada tahun 2012, 100 peratus terlibat. Apakah pengurangan mendadak ini disengajakan bagi mengelakkan murid berprestasi rendah daripada terlibat? Malah, jika kita mencerakinkan pecahan murid, kita akan dapati 30 peratus responden terdiri daripada murid Sekolah Berasrama Penuh, meskipun mereka hanya membentuk tiga peratus daripada populasi keseluruhan murid Tingkatan 3 di Malaysia.

Manipulasi ini adalah sesuatu yang mengejutkan lagi memalukan. Apakah kita sanggup menipu dunia? Lebih teruk lagi, menipu diri sendiri. Kerajaan pula dengan tanpa segan silu boleh menguar-uarkan kononnya prestasi telah meningkat. Sebenarnya, Kerajaan nampaknya bukan sahaja gagal untuk membaiki prestasi murid kita, malah tergamak memanipulasi data, atau dalam kata lain, menipu, untuk dilihat sebagai berada di landasan yang tepat.

Bersaing dengan negara maju bukan sesuatu yang mustahil. Apakah Kerajaan terlalu angkuh atau bodoh sombong untuk belajar daripada kejayaan Vietnam yang telah berjaya mentransformasikan sistem pendidikan mereka? Dalam penilaian PISA 2015 yang sama, Vietnam berada pada kedudukan kelapan bagi kemahiran Sains, ke-22 bagi Matematik dan ke-32 bagi kemahiran membaca. Malah, 10 peratus muridnya berada dalam kelompok Top Performers. Sebagai rekod, pada 2012, Vietnam berada pada kedudukan ke-17 dalam Matematik, kelapan dalam Sains dan ke-19 dalam membaca.

Lebih teruk lagi, Singapura, negara jiran kita yang dahulunya merupakan sebahagian daripada negara kita, berkongsi sejarah yang sama serta sistem pendidikan yang turut diwarisi daripada penjajah British, menduduki tempat pertama di dunia bagi ketiga-tiga mata pelajaran. Apakah alasan Menteri terhadap pencapaian unggul mereka dan kegagalan memalukan kita ini?

Sehingga kini, Kerajaan hanya membisu dan tidak memberi penjelasan penuh mengenai situasi yang amat memalukan ini. Bukankah ini suatu pengkhianatan kepada amanah yang ibu bapa di negara ini titipkan kepada Kementerian Pendidikan?

Sekian, terima kasih.



**ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) sambil diperhatikan Ketua Menteri berjabat tangan dengan ketua jurulatih baharu pasukan Liga Super Pulau Pinang, Zainal Abidin Hassan baru-baru ini.**

[1] *http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/04/09/ge13-laptop-for-every-student-if-bn-wins-again/*

*Nota: Ucapan ini disampaikan di Parlimen pada 27 Mac 2017.*

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>klee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 012 - 445 1767 | Muazah |
| N2 | Bertam | 012 - 466 9681 | Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | 012 - 505 1334 | Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | 016 - 412 8588 | Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | 012 - 475 4326 | Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 383 9131 | Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 010 - 811 7300 | Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 010 - 773 2395 | Firdaus |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 464 3004 | Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Noor Syazwani Md Amin | 014 - 307 7101 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mei 2017




11hb - 13hb Mei
***World Hoops***
**Gurney Paragon**




13hb - 14hb Mei
***Penang ECO 100 Ultra Marathon***
**SRJK(C) Kg Sg Lembu, Bukit Mertajam**


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB, NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Utusan siar pernyataan maaf terhadap Guan Eng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** - "Saya punya muka keluar dalam Utusan Malaysia," seloroh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sidang media 22 Mac lalu.

Selepas menjadi mangsa fitnah, Guan Eng memberitahu, laporan berita berjudul 'Pernyataan Maaf' daripada Utusan Malaysia' disiarkan pada muka surat kedua akhbar arus perdana tersebut pada 22 Mac 2017.

"Selepas memfitnah saya, salah satu penghakiman persetujuan di mahkamah adalah untuk menyiarkan permohonan minta maaf pada muka surat kedua.

"Anda boleh baca...yang paling penting Utusan Malaysia sekali lagi memfitnah saya, dan meminta maaf serta menarik balik laporannya," jelasnya yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan pada sidang media di sini pada hari berkaitan.

Pada penghakiman 15 Mac lalu, Utusan Malaysia memohon maaf atas kesilapan fakta artikel terhadap Ketua Menteri dalam akhbar arus perdana berkenaan bertarikh 20 Ogos 2015.

Wakilnya, Siti Nur Zulaikha Ibrahim yang juga Eksekutif Undang-undang Utusan Melayu (Malaysia) Berhad melafazkan permohonan maaf tersebut di depan Pesuruhjaya Kehakiman Y.A. Tuan Azmi Abdullah selepas penghakiman persetujuan dicapai oleh kedua-dua belah pihak di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

"Kami memohon maaf kepada Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng atas kesulitan yang dialami beliau ekoran daripada kekeliruan dan kesilapan fakta di pihak kami dalam penyiaran berita asal tersebut," lafaz wakil defendan.



KETUA Menteri menunjukkan siaran 'Pernyataan Maaf' Utusan Malaysia terhadapnya bertarikh 22 Mac lalu.

Selain itu, kenyataan bertulis dalam penghakiman persetujuan yang dilafazkan itu turut menyebut artikel berita 'Guan Eng tarik balik saman terhadap bekas Ketua Pemuda Umno Negeri' yang disiarkan 20 Ogos 2015 patut dibaca dengan fakta bahawa:

"Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng menarik balik saman yang difailkan tiga tahun lalu terhadap bekas Ketua Pemuda Umno Negeri, Datuk Dr. Shaik Hussein Mydin setelah Shaik Hussein menarik balik tanpa sebarang syarat dan dengan penuh kerelaan hati dakwaan rasuah yang dibuat olehnya terhadap Lim Guan Eng pada 5 Oktober 2012."

Manakala peguam plaintif, Simon Murali pula memberitahu, pihak defendan akan menyiarkan keputusan penghakiman persetujuan yang dicapai kedua-dua belah pihak di dalam akhbar Utusan Malaysia secara wajar dalam tempoh tujuh hari (dari tarikh penghakiman) di muka surat kedua dan bayaran pampasan dengan jumlah yang dipersetujui pihak-pihak berkaitan.

Terdahulu, Shaik Hussein pada 5 Oktober 2012 dilaporkan menuduh Guan Eng sebagai korup, dengan melakukan penipuan serta menerima rasuah daripada Pusat Pergigian Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIDC) yang dikaitkan dengan suatu projek pembangunan bercampur di atas sebidang tanah berhampiran Taman Manggis di Jalan Zainal Abidin.

Selepas Guan Eng mengfailkan saman ke atas Shaik Hussein, penghakiman persetujuan pertama dicapai kedua-dua pihak.

Namun, Shaik Hussein dalam kenyataannya kepada pemberita ketika itu menafikan bahawa beliau ada memohon maaf atas kenyataan berunsur fitnah ke atas plaintif.

Malah, berita yang disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia ketika itu tidak mencerminkan maksud hakiki penghakiman persetujuan kedua-dua belah pihak.

Ekoran itu, Guan Eng merujuk Utusan Malaysia ke Mahkamah Tinggi, sehinggalah penghakiman persetujuan dicapai baru-baru ini.

## Pulau Pinang rakam imej bulan resolusi tertajam di Malaysia – Hon Yew

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa imej bulan yang berjaya dirakam menggunakan teleskop PIXO di *Tech Dome Penang* (TDP) pada 6 Mac lalu adalah rekod resolusi paling tajam di tanah air ini.

"Buat kali pertama, kita berjaya tangkap imej bulan menggunakan teleskop yang paling besar di wilayah utara (Semenanjung Malaysia), yang disahihkan sebagai paling tajam di Malaysia.

"Maka, saya berasa amat bangga, dan ini (dirakamkan) di *Tech Dome Penang* (TDP) dekat Komtar, yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama pihak swasta untuk menjadikan sains dan teknologi sebagai bidang diminati muda-mudi, khususnya pelajar-pelajar," ," jelasnya kepada pemberita di Komtar pada sidang media 27 Mac lalu di sini.


CETAKAN imej bulan yang berjaya dirakam.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Pengarah TDP, Datuk K. K. Lim; Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Dr. Khong Yoon Long; Presiden Persatuan Astronomi Pulau Pinang (ASP), Dr. Chong Hon Yew serta jurugambar astronomi, Lim Choon Kiat turut hadir.


LIM Choon Kiat.

Guan Eng dalam pada itu memuji bakat serta pengalaman Choon Kiat ekoran berjaya membuat rakaman gambar berkaitan.

Menurut Choon Kiat, kejayaan tersebut adalah hasil cubaan demi cubaan sebelum ini. Kebetulan pada hari berkaitan, cuaca adalah baik dan akhirnya kita berjaya rakamkan gambar ini.

"Gambar bulan yang ditangkap adalah 20,000 dengan 10,000 piksel, mampu dicetak secara jelas dengan 529 sentimeter (sm) panjang dan 264 sm lebar. Saiz foto terbesar ketika ini yang boleh dirakam adalah 100 gigabait," jelasnya.

Mengulas lanjut, Hon Yew memberitahu bahawa beliau akan menyerahkan hasil pasukannya itu kepada *Malaysia Book of Records* untuk direkodkan sebagai imej bulan resolusi paling tajam diambil dari tanah air ini.

Difahamkan, imej bulan beresolusi paling tajam di Malaysia itu diambil menggunakan 16" Officina Stellare teleskop dengan panjang fokus 3,200mm dilengkapi dengan kanta 2x Barlow kepada 6,400mm. Kamera yang digunakan ialah QHY5-290M iaitu khusus untuk objek sistem solar.

## Lukisan 'Saya ❤ Pulau Pinang' ceriakan perumahan awam

**GEORGE TOWN** – Selaras pelaksanaan kempen 'Saya ❤ Pulau Pinang', sebanyak 49 blok daripada 10 skim Perumahan Awam Kerajaan Negeri bakal dicat dan diceriakan dengan paparan 'Saya ❤ Pulau Pinang' berserta *hashtag*, #UntukNegeriKita.

Exco Perancangan Bandar dan Desa & Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, inisiatif tersebut adalah selaras dengan kempen 'Saya ❤ Pulau Pinang' yang giat dipromosikan Kerajaan Negeri sebagai bantahan kepada cadangan seorang menteri sebelum ini yang berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai wilayah persekutuan (WP).



CONTOH ilustrasi grafik blok flat yang bakal dicat dengan logo kempen 'Saya ❤ Pulau Pinang'.

"Sebagai mencerminkan budaya masyarakat majmuk dan keharmonian kaum di Pulau Pinang, lukisan (cat) ini akan diwujudkan dalam empat bahasa iaitu Melayu, Mandarin, Tamil dan Inggeris.

"Setiap blok akan mempunyai dua unit lukisan berukuran 23 x 8 kaki persegi (kp) dengan kos sebanyak RM2,468 untuk setiap lukisan," jelasnya pada sidang media ringkas di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Lim Siew Khim (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Sungai Pinang), Soon Lip Chee (ADUN Jawi) dan Teh Lai Heng (ADUN Komtar).

# ME impi cipta nama dalam *Guinness Book of World Records*

**MELETAKKAN** Datuk Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai Datuk Lat sebagai idolanya, ME atau nama sebenar **MOHD. AZMI MOHD. HUSSIN**, 33, tidak pernah merancang untuk menjadikan *live sketch caricature* sebagai kerjaya.

Apatah lagi stigma masyarakat bahawa kartunis atau penggiat seni tempatan lazimnya 'tiada masa depan', menjadikan ME sedar bahawa banyak rintangan dan cabaran yang harus dihadapinya.

Namun, baginya yang mula bergiat sepenuh masa sebagai pelukis karikatur, tanggapan itu tidak benar, malah beliau berazam melentur pendapat dengan membuktikan bahawa pelukis karikatur juga mampu berjaya.

Ikuti wawancara istimewa, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** menelusuri jejak langkah ME.

## LATAR BELAKANG

Dilahirkan di Butterworth, anak jati Pulau Pinang ini tidak menyangka bahawa minatnya terhadap cerita-cerita kartun seperti *Thundercats*, *Rambo* dan *Teenage Mutant Ninja Turtles* telah mendorongnya mendalami seni karikatur khususnya *live sketch caricature*.

"*Live sketch caricature* ni cukup popular di luar negara, malah ada yang menjadikannya sebagai kerjaya yang memperoleh pendapatan lumayan.

"Di Malaysia, nama-nama seperti Datuk Lat, yang menjadi idola saya, dan Imuda adalah antara pelukis karikatur terawal," katanya yang juga penggemar basikal BMX.

Pernah bekerja dalam pelbagai bidang untuk beberapa tahun sebelum memutuskan untuk memenuhi impiannya sebagai pelukis karikatur sepenuh masa, ME menjadikan ibunya sebagai pendorong utama selain isteri dan anak-anaknya.

"Saya tahu menjadi pelukis karikatur ini bukan mudah, tambahan pula nak sara isteri dan tiga orang anak, tetapi saya tetap bersyukur kepada-Nya kerana ibu, isteri dan anak-anak sentiasa menyokong saya, menjadi tulang belakang saya dalam susah dan senang," katanya yang merupakan anak bongsu daripada tiga adik-beradik.

ME akui, masih ramai yang merendah-rendahkan karya seni lokal, pun begitu, beliau bertekad untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap seni karikatur ini.

"Memang ada teguran, kata-kata sindir yang negatif, tetapi pada saya, apa jua yang baik, saya akan terima dan yang tidak baik, saya balas dengan senyuman dan akan buktikan bahawa seni karikatur bukanlah seni jalanan yang hanya bayar RM10 bagi satu-satu karya yang dihasilkan," ujarnya yang berhasrat mengangkat martabat seni karikatur ke peringkat lebih tinggi.



MOHD. Azmi Mohd. Hussin menunjukkan sijil pengiktirafan MBOR yang diterimanya dalam cabaran melukis karikatur secara langsung terbanyak bagi tempoh 24 jam baru-baru ini.

## TEMPA NAMA DALAM MBOR

Mungkin ramai yang masih tidak tahu bahawa ME baru-baru ini telah menempa nama dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai pelukis yang melukis karikatur secara langsung terbanyak dalam tempoh masa 24 jam (*the most number of live caricature drawing in 24 hours*).

Bertempat di hadapan masjid bersejarah, Masjid Kapitan Keling pada 18 hingga 19 Mac lalu, ME menyahut cabaran untuk melukis 250 karikatur dalam tempoh 24 jam.

"Jumlah 250 karikatur itu digariskan oleh pihak MBOR sendiri sebagai penanda aras, namun, alhamdulillah, dalam tempoh 18 jam, saya berjaya melukis 250 karikatur dan sehingga cabaran selesai, saya berjaya melukis 320 karikatur kesemuanya.

"Memang seronok, memang teruja... walaupun letih, tapi saya berjaya melukis 320 karikatur dalam tempoh 24 jam, walaupun mulanya tu ada sedikit kegusaran kerana faktor cuaca yang tidak menentu," jelasnya yang kini mula berkongsi pengalaman beliau menjadi pelukis karikatur bersama-sama pelajar pengajian tinggi.

Selain itu, difahamkan, ME juga berjaya mengumpul dana sebanyak RM21,000 sepanjang tempoh 24 jam cabaran MBOR.

"Alhamdulillah, memang amat berpuas hati dan berterima kasih kepada penderma yang sudi menyumbang dana untuk diagihkan kepada tiga persatuan iaitu Persatuan Tongkat Putih Pulau Pinang, Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia," katanya dalam nada ceria.

Lebih menyeronokkan apabila pelancong asing turut sama memberi sokongan dan tidak melepaskan peluang membenarkan wajah mereka dikarikaturkan oleh ME.



MENYEMPURNAKAN lakaran karikatur wajah Chow Kon Yeow pada cabaran menempa nama dalam MBOR.

"Apabila kami *check* semula buku log, kami dapati bukan sahaja pengunjung tempatan, tetapi juga pelancong asing dari Argentina, New Zealand, Chile dan Sepanyol mai berikan sokongan," jelasnya lanjut.

## TERBITAN KARYA

Setelah hampir tujuh tahun bergelar pelukis karikatur sepenuh masa, ME kini mempunyai dua terbitan karya iaitu *Tanjong Life* yang diterbitkan pada tahun 2015 dan *The Little Mamak* pada 2016.

"Kedua-dua karya ini merupakan buku komik yang menceritakan kehidupan masyarakat yang berbilang budaya di Pulau Pinang dan *The Little Mamak* pula merupakan ilustrasi kehidupan dan kebudayaan masyarakat India Muslim di sini.

"Setakat hari ini, lebih 4,000 naskah berjaya dijual dan karya *Tanjong Life* kini sedang dalam proses untuk dicetak buat kali kedua...alhamdulillah, inilah rezeki sekiranya kita tidak berputus asa," ujarnya yang juga merupakan kartunis sambilan penerbitan Buletin Mutiara.

## SIMPAN IMPIAN CIPTA REKOD DUNIA *GUINNESS BOOK OF WORLD RECORDS*

"Siapa yang tidak mahu mencipta kejayaan? Bagi saya, sebelum inipun saya tidak pernah terlintas untuk menempa nama dalam MBOR.

"Namun, hasil dorongan keluarga, kawan-kawan dan juga beberapa YB (Yang Berhormat), menjadikan saya ingin berjaya.

"Impian saya, jika diizinkan-Nya, saya akan cuba untuk memecah rekod dunia yang kini dipegang oleh pelukis karikatur dari Canberra, Australia, Chris Wilson yang berjaya menghasilkan 500 keping lukisan karikatur tanpa henti dalam masa 50 jam.

"Bukan mudah, tetapi kenapa tidak, yang penting keazaman untuk terus berjaya?," tegas ME yang menjadikan motto '*dream big, don't give up*' sebagai pedoman hidup.

## HASRAT BERSEMUKA DENGAN TUN M

Sebelum ini, ME pernah melakar wajah mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamed atau Tun M.

"Tetapi, saya tidak puas, saya mahu jumpa dengan beliau, mahu bersemuka dengan beliau dan melukis wajah beliau secara langsung.

"Beliau merupakan antara tokoh tersohor dan saya memang mahu sangat berjumpa dengannya," ujarnya penuh semangat.

Menurut ME, melukis wajah seseorang secara langsung lebih memberi kepuasan berbanding hanya melihatnya melalui kaca televisyen mahupun di media cetak.

## KONGSI NASIHAT

"Bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sekiranya anda tidak berjaya, ingat, dunia belum berakhir, masih banyak ruang untuk memperbaiki kelemahan diri.

"Jangan cepat berputus asa dan yang penting dalam apa jua agama, minta dengan Tuhan, doa jangan putus...insyaAllah dengan dorongan dan sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan, kita pasti berjaya nanti," serunya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang merupakan orang pertama membantu beliau menempa nama seperti hari ini.

"Tidak lupa kepada YB Chow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow) yang menyokong perjalanan seni saya," ujar beliau.


Penang Future Foundation
STEMA
You may apply for either:
PENANG SCHOLAR
- Minimum CGPA 3.67
- Household income not more than RM15,000 per month
or ...
MUTIARA SCHOLAR
- Minimum CGPA 3.00
- Household income not more than RM5,000 per month
Sponsored Courses
MQA fully-accredited courses in Science*, Technology, Engineering, Mathematics (STEM), Accountancy and Finance.
*excludes Medicine
Upon completion of study, the scholars are required to work in Penang in any organisation of their choice.
** TERMS AND CONDITIONS APPLY
Open to all eligible Malaysian students**
SCHOLARSHIP 2017
for undergraduate studies in Malaysia
Online Application Date
from 22 May 2017
to 18 June 2017
Further Details
www.penangfuturefoundation.my
Contact Us
info@penangfuturefoundation.my

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10775
Peminjam : FAIZA SURIA BINTI JAMALUDIN - 84030307****
NO. 343 LENGKOK PERDANA 8/4, SEKSYEN 8,
BANDAR PERDANA 08000 SUNGAI PETANI,
KEDAH
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN CHE DAN - 55032307****
8984 KAMPUNG MANGGIS,
13400 SUNGAI PUYU , BUTTERWORTH
Penjamin 2 : FAIZAL WAJIDI BIN JAMALUDIN - 82072707****
BLOK B-G2 TAMAN BELIBIS
14100 SIMPANG EMPAT,
SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 10776
Peminjam : NG PEK GEE - 86120307****
NO.74 TINGKAT KANCIL SATU,
TAMAN HWA SENG, ALMA
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG SU HOCK - 58071306****
74 TINGKAT KANCIL 1,
TAMAN HWA SENG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIEW KUEN MEE - 68122507****
29 LORONG JERNIH 4, TAMAN JERNIH
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10782
Peminjam : HASLINA BINTI NOOR MOHD SHAHR - 74111807****
3-1-37 LINTANG BAYAN 8, SERI DELIMA,
SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : HALIMAH BINTI BIDIN - 61110207****
PLOT 9510 LILITAN BAYAN, KG. TERSUSUN,
SUNGAI ARA 11950 BAYAN LEPAS,
PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZOLKEFLY BIN BIDIN - 67092307****
10E-6-6 PANGSAPURI HARMONI,
JALAN KENNEDY 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10783
Peminjam : NURULLIANA BINTI MUHIT IDIN - 82072307****
NO. 16 TINGKAT SIAKAP 3,
SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : AMRUL QAHHAR BIN MUHIT IDIN - 77122607****
NO.16 TINGKAT SIAKAP 3,
SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : FARIZUL IZHAM BIN ZAKARIA - 84033102****
NO. 14 LORONG 9A, TAMAN PERUDA FASA 1B
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10784
Peminjam : ZURAIDA BINTI MOHD. ROMLI - 80091507****
A4 KUARTERS DARUL QURAN, JAKIM,
JALAN HAMZAH, AMPANG PECAH
44000 KUALA KUBU BARU, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD HASNIZAM B MOHAMAD SHAHRANI - 79062308****
A4 KUARTERS DARUL QURAN, JAKIM,
JALAN HAMZAH, AMPANG PECAH
44000 KUALA KUBU BARU, SELANGOR
Penjamin 2 : MOHD HAIRI BIN SHAHARI - 80101708****
2328 FELDA GUNUNG BESOUT DUA,
35600 SUNGKAI, PERAK

No Akaun : 10787
Peminjam : ROHAIDA BINTI RAMLI - 82103007****
11-8-8 HALAMAN CENDANA COURT,
PERSIARAN MAYANG PASIR 8, BAYAN BARU
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KAHIRIL IZAN BIN KHAIRUDDIN - 82072207****
11-8-8 HALAMAN CENDANA COURT,
PERSIARAN MAYANG PASIR 8, BAYAN BARU
11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMAD FAIZAN BIN OSMAN - 82012707****
NO. 1486 PERMATANG TINGGI B,
13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10796
Peminjam : ANWAR IBRAHIM BIN ABDULLAH MUNIR - 78082307****
2A-23-18 MUTIARA HEIGHT, LINTANG HAJJAH
REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SURIAH BEGUM BINTI M ABDUL RAHMAN - 70061407****
19-5-03 HILIR SUNGAI PINANG, SERINA BAY,
JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SYAMSUL BIN MOHAMED - 85051207****
TAPAK 48 KAMPUNG PISANG AWAK,
JALAN BUKIT DUMBAR,
JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10797
Peminjam : MUHAMMAD SYAZWAN BIN MANSOR - 86121435****
NO. 260 LORONG JAWA,
PERMATANG TOK LABU 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : MANSOR BIN OSMAN – (MENINGGAL DUNIA)
260 LORONG JAWA, PERMATANG TOK LABU,
13110 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : MAK NOR BIN ISMAIL - 58030307****
NO. 5584 KOTA AUR 13200 KEPALA BATAS,
SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10804
Peminjam : OOI BOON CHENG - 86013007****
93 JALAN JERNIH, TAMAN JERNIH
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TEH CHONG SIANG - 72060107****
7 JALAN NENAS, TAMAN ENG SENG,
SUNGAI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : OOI KWOK KWANG - 63120207****
3054 JALAN KAMPUNG BARU,
TAMAN KIJANG INDAH
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10806
Peminjam : LIM MUK YEE - 88051807****
1-22-06, BL AVENUE, SOLOK THEAN TEIK
11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : OH SHIEN ROYE - 79010107****
73C-12-2 CENTRAL PARK,
LEBUHRAYA JELUTONG 11600 JELUTONG,
PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOAY SOON LI - 84112607****
32 MEDAN GOH GUAN HOE,
11400 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10809
Peminjam : TAN WEI PING - 84073009****
NO.279-5-3 LORONG TAMPIN,
JALAN PERAK 10150 GEORGE TOWN,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH SOON LEE - 61010207****
NO. 49A CHEW JETTY QUAY
10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN SOK CHEE - 69051608****
279-5-3 TAMPIN COURT,
LORONG TAMPIN 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 10810
Peminjam : AZRUL RAIS BIN MOHAMAD - 80120207****
PRU BUSINESS ACADEMY, LEVEL 5, TOWER 3,
JAYA 33, NO. 3, JALAN SEMANGAT, SEKSYEN
13, 50400 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : ROHAYA BINTI ZAKARIA - 62072307****
31 LORONG PENAGA 8, TAMAN PENAGA
13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : AISHAH BINTI TOM - 54082802****
12 TAMAN SHAHAB, JALAN LANGGAR,
ALOR SETAR 05450 KEDAH

No Akaun : 10811
Peminjam : AZUANA BINTI JAAFAR - 84070602****
6374 MK 20 KUBANG ULU
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOHD RIDZUAN BIN ZULKAFLY - RF154***
IBU PEJABAT POLIS DAERAH AMPANG JAYA,
TAMAN DAGANG, AMPANG 68000 SELANGOR
Penjamin 2 : MAHMUD SHALTUD BIN MOHD ALI - 61012010****
2C-T.09-U.07 JALAN P9G PRECINT 9,
62500 PUTRAJAYA

No Akaun : 10813
Peminjam : HANIF BIN HASHIM - 87092135****
15 JALAN HIJAU 11/7, BANDAR TASEK PUTERI
48020 RAWANG, SELANGOR
Penjamin 1 : NORIAH BINTI SALLEH - 58051303****
LOT 1981 KAMPUNG KUBANG PAK AMIN
17000 PASIR MAS, KELANTAN
Penjamin 2 : MUHAMMAD BIN HASHIM - 72060602****
NO. 31 LORONG ANGGERIK,
TAMAN HARMONI, KULIM 09000 KEDAH

No Akaun : 10816
Peminjam : SITI ZAHARAH BINTI SHAIKH AHMAD - 86040535****
NO. 214-V TANJUNG TOKONG
10470 GEORGE TOWN
Penjamin 1 : SHAMSUL BIN MOHAMAD SALLEH - 76082010****
BLOK 8-03-09 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI
NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : JAHIR HUSSAIN BIN MADAR - 69072807****
5-20 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINUL
ABIDIN 10400 PULAU PINANG

No Akaun : 10818
Peminjam : LAW MEI CHIN - 86070635****
42A LORONG 3/SS8,
BANDAR TASEK MUTIARA
14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : LAW SWEE BENG - 54080807****
25 LORONG PEKAKA 1, TAMAN DESA BARU,
SUNGAI DUA 11700 GELUGOR,
PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOW GAIK HONG - 71122107****
25 LORONG PEKAKA 1, TAMAAN DESA BARU,
SUNGAI DUA 11700,
GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10823
Peminjam : NITTIYASSRI A/P MARDAMUTHU - 82021607****
BLOK B-G-15 TAMAN RATHINA,
SIMPANG TIGA 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : MAGASVARI A/P BALAKRISHNAN - 82121102****
NO. 1015 JALAN MELOR 2, PERSIARAN
AMANJAYA 5, 08000 SUNAGI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : VADIVOO A/P ARUMUGAM - 82011508****
NO. 437 LADANG PADANG MEIHA ,
09400 PADANG SERAI, KEDAH

No Akaun : 10825
Peminjam : MUHAMMAD MAZLAN SHAH BIN MUHAMMAD SHAH - 83040707****
BLOK 25-11-1 TAMAN SERI DAMAI,
JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MAZLINA BINTI MUHAMMAD SHAH - 85050114****
BLOK 25-11-1 TAMAN SERI DAMAI
11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAZLINDA BINTI MUHAMMAD SHAH - 86102256****
BLOK 25-11-1 TAMAN SERI DAMAI
11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 10827
Peminjam : KUPPUSAMY A/L SIVALINGAM - 82090202****
NO.36 LORONG PAHLAWAN 5,
TAMAN SENANGAN, TELUK AIR TAWAR
13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SIVALINGAM A/L KUPPUSAMY - 56070202****
1048 JALAN BAGAN AJAM,
BAGAN LEBAI TAHIR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SIMANJALAM A/P APPANNAH - 65070102****
1048 JALAN BAGAN AJAM,
BAGAN LEBAI TAHIR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 10839
Peminjam : JAYAKUMAR A/L MARDAMUTHU - 86120535****
NO. 2 JALAN AUSTIN PERDANA 5/15,
TAMAN AUSTIN PERDANA
81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1 : GAYATHIRI A/P MARDAMUTHU - 80091707****
NO. 2 JALAN AUSTIN PERDANA 5/15,
TAMAN AUSTIN PERDANA
81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 2 : DANIEL A/L ARULAPPAN - 83062108****
NO. 2 JALAN AUSTIN PERDANA 5/15, TAMAN
AUSTIN PERDANA 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR

No Akaun : 10844
Peminjam : CALEEN GOH WOAN JENG - 86121735****
NO.10 TINGKAT MUHIBBAH 7,
TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NAK RONG A/L KAM - 83021607****
BLOK 4B-8-17, LORONG SEMARAK API,
11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAMLI BIN ISMAIL - 63032107****
NO.1423 MERBAU KUDUNG
13800 BUTTERWORTH

No Akaun : 10850
Peminjam : MOHD SAYUTI BIN ABD HALIM - 80093007****
999B MK 9 JALAN SEPAKAT, KG. MASJID,
TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : SURIANI BINTI ABD HALIM - 86100138****
999 B MK 9 JALAN SEPAKAT, KG. MASJID,
BAYAN LEPAS 11920 TELUK KUMBAR,
PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOSHIN BIN ABD HALIM - 82021107****
999 B MK 9 JALAN SEPAKAT, KG. MASJID,
BAYAN LEPAS 11920 TELUK KUMBAR,
PULAU PINANG

No Akaun : 10859
Peminjam : MOHD YASER BIN SEHAT@SEHAR - 78091807****
NO. 2929 MUKIM 16, TASEK JUNJUNG
14120 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SEHAT BIN JUSOH - 49072307****
NO. 2929 MUKIM 16 , TASEK JUNJUNG
14120 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD YAZID BIN SEHAT - 76080607****
2929 MUKIM 16, TASEK JUNJUNG
14120 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10861
Peminjam : MOHAMED HASHIM BIN MOHD YUSUFF - 86022635****
NO.27 JALAN PERWIRA, TAMAN WIRA
13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MOHAMED HEIZAL BIN MOHAMED YUSUFF - 77112014****
27 JALAN PERWIRA, TAMAN WIRA
13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NURWATI BINTI ABDUL WAHAB - 79082971****
61 JALAN 5, MINDEN HEIGHTS
11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10866
Peminjam : NORAZALINDA BINTI ZAINOL - 88021835****
152 MK 11 KAMPUNG SERONOK,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORZAILAN BIN ZAINOL - 83070507****
152 MUKIM 11, KAMPUNG SERONOK
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZAINOL BIN HUSAIN - 54112607****
152 MUKIM 11, KAMPUNG SERONOK
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 10867
Peminjam : SAFWANAH BINTI AZMI - 88100107****
A-16-4, FLAT KAMPUNG MELAYU
11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZMI BIN ABDULLAH - 53042402****
NO.11 JALAN GROVE
11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SABIHAH BINTI ABDUL HAMID - 80042902****
BLOK D1-7-1 , PERUMAHAN KASTAM PERAI
13700 JALAN BARU, PERAI

No Akaun : 10869
Peminjam : BAN KAI YIN - 88052835****
NO. 16 JALAN PP 3/2, TAMAN PUTRA PRIMA
47130 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : BAN HOCK HENG - 53100507****
6-05-05 SRI KRISTAL, LENGKOK ANGSANA,
AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SIM KIAN HONG - 48100107****
146 DATUK OOH CHOOI CHENG
14000 BUKIT MERTAJAM,
SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 10874
Peminjam : CHANDRASEKARAN A/L JOSEPH PAUL - 82052607****
NO. 90 LORONG PERWIRA INDAH 2, TAMAN
PERWIRA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : JOSEPH PAUL A/L IGNATIUS PAUL - 57030707****
NO. 90 LORONG PERWIRA INDAH 2, TAMAN
PERWIRA INDAH 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SUBRAMANIAM A/L ARUMUGAM - 53112707****
4 LORONG BETEK 5, TAMAN SUNGAI RAMBAI
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10875
Peminjam : AFIFUDDIN BIN MD ISHAK - 85120407****
17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN
BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : HISHAMUDDIN BIN MD ISHAK - 80122708****
17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN
BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NASARUDDIN BIN MD ISHAK - 78072708****
17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN
BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10877
Peminjam : MUHAMAD AMIRUL AMRY BIN HAIRUL ANWAR - 85101106****
12 LORONG SERI SERDANG 4/1, TAMAN SERI
SERDANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : HAIRUL ANUAR BIN YEOP AHAMAD - 59042810****
12 LORONG SERI SERDANG 4/1, TAMAN SERI
SERDANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MUHAMAD FAUZI BIN YEOP AHMAD - 69100805****
NO.6313 PERMATANG BERTAM 13200
KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10879
Peminjam : CHAN YUK CHOON - 81082407****
NO.104 TAMAN SRI KULIM
09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : CHUI LEE KUN - 76092207****
NO.196 TAMAN DAHLIA,
09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : CHONG MOOI CHIN - 71030602****
NO.105 TAMAN SRI KULIM,
09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10882
Peminjam : QUAH CHEE KENG - 84102207****
NO. 33 LINTANG GELUGOR
11600 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : QUAH CHEE HONG - 77021007****
NO.33 LINTANG GELUGOR,
11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN THIAM CHEE - 79042307****
1-02-01 SOLOK PAYA TERUBONG 8,
11060 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10886
Peminjam : LIM YEOK QUAN - 86070735****
NO. 9 LORONG BAGAN TAMBUN 2,
TAMAN BAGAN TAMBUN
14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : LIM AH CHAI - 58042107****
NO. 9 LORONG BAGAN TAMBUN 2,
TAMAN BAGAN TAMBUN
14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : TAN KIAN GUAN - 52082707****
1661 JALAN BUKIT TAMBUN 14110 SIMPANG
EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 10887
Peminjam : MOHAMAD IHSAN BIN MOHAMAD ARIF - 85052707****
2-1-4 INTAN RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7,
BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 1 : HADZERI BIN HASHIM - 61042509****
NO. 49 JALAN RP4/10, TAMAN RAWANG
PERDANA 48000 RAWANG, SELANGOR
Penjamin 2 : MOHAMAD KHALIL BIN MOHD TAHA - 57051605****
LOT 11596 JALAN 10 , TAMAN MESRA,
KAJANG 43000 SELANGOR

No Akaun : 10892
Peminjam : VSALNI A/P RAJA GOPAL - 86121535****
NO. 37 TINGKAT SENANGIN 6,
13600 PERAI
Penjamin 1 : RAJA GOPAL A/L THANDAYAN - 60102907****
NO.37 TINGKAT SENANGIN 6,
TAMAN SENANGIN 13600 PERAI
Penjamin 2 : GUNAGGELAN A/L PERUMAL - 68091608****
NO. 20 LORONG KURAU 7,
TAMAN CHAI LENG, 13700 PERAI

No Akaun : 10893
Peminjam : LEE KEAN LOONG - 88111535****
NO.633 LORONG KEMUNING 3,
TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : WONG THANK HOONG - 79102907****
5027 JALAN SELASIH 1, TAMAN SELASIH 5,
09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : LEE AH KOW - 44042702****
143-B JALAN PADANG TEMBAK
11400 AYER ITAM, PULAU PINANG




# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10896 |
| Peminjam | : | VISHNU VARTHAN A/L RAJASEGARAN - 84052907****<br>NO. 415 LORONG SENANGIN 2/5,<br>TAMAN SENANGIN, KULIM 09000 KEDAH |
| Penjamin 1 | : | RAJASEGARAN A/L APPAROO - 59061707****<br>NO. 415 LORONG SENANGIN 2/5,<br>TAMAN SENANGIN 09000 KULIM, KEDAH |
| Penjamin 2 | : | SALMA A/P PAPAIAH - 55092102****<br>6 LORONG BERTAM INDAH 36,<br>TAMAN BERTAM INDAH<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10897 |
| Peminjam | : | SITI NOOR BINTI AHMAD - 88111407****<br>253 MUKIM H LOT 19 ,<br>SUNGAI BURUNG, BALIK PULAU<br>11000 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | AHMAD BIN ARIFFIN - 63101807****<br>253 MUKIM H, SUNGAI BURUNG<br>11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | NOR HIZAM BIN AZIZ - 77062707****<br>253 MUKIM H, SUNGAI BURUNG<br>11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10899 |
| Peminjam | : | MOHD IKHWAN BIN MOHAMMAD SALEH - 85021407****<br>NO.16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT<br>MERTAJAM 09000 KULIM, KEDAH |
| Penjamin 1 | : | MOHAMMAD SALEH BIN MAT ZAIN - 56120607****<br>16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT<br>MERTAJAM 09000 KULIM, KEDAH |
| Penjamin 2 | : | MAT ROZI BIN SULAIMAN - 70110302****<br>C-2-10 APT. SRI RAYA, JLN UKAY PERDANA 3,<br>TMN UKAY PERDANA<br>68000 AMPANG, SELANGOR |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10902 |
| Peminjam | : | ERNEY BINTI RADZI - 80041109****<br>G-16-B JALAN BAYU MUTIARA 2,<br>TAMAN BAYU MUTIARA<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : | ISKANDAR AKMAL BIN AHMAD - 77110807****<br>128 JALAN RAJA SULONG, KAMPUNG BOYAN<br>34000 TAIPING, PERAK |
| Penjamin 2 | : | RADZI BIN ALI - 53030302****<br>10740 POKOK SIMPOR, PERMATANG BULOH<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10905 |
| Peminjam | : | ISMA ADRI BIN ISMAIL - 80061302****<br>28 LORONG TEMENGGONG SATU,<br>TAMAN KOSKAM 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 1 | : | SELMIAH BINTI MD ZAIN - 56020502****<br>28 LORONG TEMENGGONG 1,<br>TAMAN KOSKAM 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : | NORAZIZAH BINTI ROHIM - 80050808****<br>28 LORONG TEMENGGONG 1,<br>TAMAN KOSKAM 13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10908 |
| Peminjam | : | NORADZLY BIN RAMLI - 75031002****<br>NO. 55 LORONG RHU 1/2, TAMAN RHU,<br>KULIM 09000 KEDAH |
| Penjamin 1 | : | NORAZURA BINTI ISMAIL - 78121308****<br>55 LORONG RHU 1/2, TAMAN RHU,<br>KULIM, 09000 KEDAH |
| Penjamin 2 | : | WAN CHAK BINTI MOHD HASHIM - 56010507****<br>NO.1915 BAGAN DALAM,<br>12100 BUTTERWORTH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10912 |
| Peminjam | : | SITI HUSNIYAH BINTI MOHAMED - 89030507****<br>NO. 1014 PEKAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU |
| Penjamin 1 | : | MOHAMED BIN ABDUL MAJID - 53080601****<br>NO.1014 PEKAN PENAGA, 13100 PENAGA,<br>SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : | SITI ROHANI BINTI SAID - 54021507****<br>NO.1014 PEKAN PENAGA,<br>13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10915 |
| Peminjam | : | AUFANA BINTI U UDEEB - 89051506****<br>RUMAH PPPW4-1, KOLEJ BAIDURI UiTM<br>PULAU PINANG 13500 PERMATANG PAUH |
| Penjamin 1 | : | ABU BAKAR BIN RAMLI - 54040102****<br>KAMPUNG ULU RELAU 14200 SUNGAI BAKAP,<br>SEBERANG PERAI SELATAN |
| Penjamin 2 | : | SARASHILAH BINTI ABU BAKAR - 83102207****<br>23 JALAN PINTU AIR RELAU<br>14200 SUNGAI BAKAP,<br>SEBERANG PERAI SELATAN |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10917 |
| Peminjam | : | AHMAD FIRDAUS BIN MANSOR - 88042835****<br>5220 PADANG TEMBUSU<br>13100 PENAGA, SPU |
| Penjamin 1 | : | MANSOR BIN MAN - 52120707****<br>5220 PADANG TEMBUSU<br>13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : | SITI SUMIRA BINTI MANSOR - 81032207****<br>5220 PADANG TEMBUSU<br>13100 PENAGA ,<br>SEBERANG PERAI UTARA |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10919 |
| Peminjam | : | MOHAMMAD NAJMAN BIN NORDIN - 89072107****<br>NO.1953 PERMATANG BERTAM<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 1 | : | NORDIN BIN A KADIR - 62052608****<br>1953 PERMATANG BERTAM<br>13200 KEPALA BATAS,<br>SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : | ISHAK BIN ZAHID - 53052007****<br>24 LORONG TEMENGGONG 5 ,<br>TAMAN KOSKAM, PONGSU SERIBU<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10920 |
| Peminjam | : | SAABAN HAFIZHI BIN ABD HAMID - 78070507****<br>2-U JALAN SULTAN AZLAN SHAH<br>11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | FATHIMAH BINTI AHAMAD ABADI - 79122707****<br>NO.2-U JALAN SULTAN AZLAN SHAH<br>11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | NORHAFIZAH BINTI ABD HAMID - 80072607****<br>BLOK B-1-2 FLAT UDA<br>10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10930 |
| Peminjam | : | ANIS AHMAD BIN JAFFERULLAH KHAN - 85051707****<br>60-03-06 PINANG COURT 2,<br>LEBUH SUNGAI PINANG 1,<br>11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | MOHD RADZI JAIS BIN JAFFERULLAH KHAN - 81012707****<br>60-03-06 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI<br>PINANG 1, 11600 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | AYSHA BEEVEE BINTI MOHAMED HANIFFA - 59041307****<br>5-3-3 TAMAN TAMPIN, LORONG TAMPIN<br>10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10932 |
| Peminjam | : | MOHD FIRDAUS BIN ARIFFIN - 85012507****<br>1-22 BLOK C, TAMAN SUKARIA, MAK MANDIN<br>13400 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : | ROHIMAH BINTI ARIFFIN - 79080407****<br>1-22 BLOK C, TAMAN SUKARIA 13400 MAK MANDIN, BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : | MOHD FARID BIN AHMAD@MAJID - 66062002****<br>2 LORONG BLM 4/9 , BANDAR LAGUNA MERBOK<br>08000 SUNGAI PETANI, KEDAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10933 |
| Peminjam | : | KHAIRUL AZLAN SHAH BIN MOHD - 87011302****<br>A3-3-1 HALAMAN AREKA, MK 13, LEBUH NIPAH, BAYAN LEPAS<br>11900 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | KHAIRUL HILMI BIN MOHAMMAD - 81091406****<br>A3-3-1 HALAMAN AREKA, MK 13, LEBUH NIPAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | NORHANA BINTI TASRIPAN - 80070601****<br>A3-3-1 HALAMAN AREKA, MK 13, LEBUH NIPAH, BAYAN LEPAS<br>11900 PULAU PINANG |

# Pulau Pinang sebagai lokasi anjuran ekspo perdagangan dan makanan berskala besar



MOHD. Rashid Hasnon (kiri sekali) beramah-mesra dengan wakil-wakil pempamer bersempena penganjuran *Foodlicious International Food & Beverage Trade Expo 2017* di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PANTAI JEREJAK –** Pulau Pinang merupakan antara negeri berpotensi tinggi bagi penganjuran ekspo perdagangan makanan dan minuman berskala besar selepas tular sebagai destinasi makanan terbaik baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, penganjuran ekspo-ekspo berkaitan makanan sentiasa mendapat tempat di hati masyarakat, bahkan ada yang sanggup datang dari luar Pulau Pinang hanya untuk menikmati makanan tempatan di sini.

"Pada pengamatan saya, ekspo-ekspo seperti ini sentiasa dekat di hati masyarakat.

"Industri makanan di Pulau Pinang juga dilihat sangat memberangsangkan, ditambah pula dengan kreativiti usahawan-usahawan muda yang kini gemar membangunkan produk-produk moden yang sesuai dengan peredaran masa.

"Lantas usaha tersebut akan menjadikan usahawan-usahawan ini lebih inovatif serta berdaya saing," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak ketika merasmikan penganjuran *Foodlicious International Food & Beverage Trade Expo 2017* di sini baru-baru ini.

Ekspo yang berlangsung dari 17 hingga 19 Mac lalu menyaksikan lebih 100 pengusaha makanan dan minuman dari dalam dan luar negara berkampung di *Subterranean International Convention and Exhibition Centre* (SPICE) untuk mempromosikan produk masing-masing.

Selain makanan dan minuman, terdapat juga barangan lain seperti pakaian serta barangan penjagaan kesihatan dipamerkan pada penganjuran berkenaan.

Menurut Mohd. Rashid, faktor keunikan makanan di negeri ini juga telah menjadikan Pulau Pinang tular dalam kalangan media antarabangsa dan penggiat-penggiat blog, sebagai destinasi makanan terbaik yang wajar dikunjungi.

"Kita bukan sahaja telah disebut-sebut sebagai lokasi makanan sedap dalam kalangan masyarakat, malah media antarabangsa seperti *CNN* dan *Lonely Planet* turut mengiktiraf keistimewaan makanan Pulau Pinang," ujarnya.







# Rakyat perlu terlibat sama asingkan sisa di punca

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**SUNGAI PINANG -** Bermula 1 Jun 2017, Kerajaan Negeri menetapkan untuk menguatkuasakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bagi seluruh negeri Pulau Pinang secara mandatori.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkannya berkata, pengasingan sisa di punca mula diperkenalkan tahun lalu dan menetapkan tempoh setahun selepas itu bagi memberikan pendidikan kepada umum sebelum menguatkuasakannya.

"Sebelum ini, pelbagai inisiatif hijau telah dilaksanakan, namun, dengan penguatkuasaan suatu dasar, diharap rakyat negeri ini lebih peka demi menjamin kesejahteraan masa depan rakyat dan negeri Pulau Pinang.

"Apabila kita (Kerajaan Negeri) melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, ia bukan sahaja dapat mengurangkan penjanaan sisa ke tapak pelupusan sampah di Pulau Burong, malah memanjangkan tempoh hayat tapak berkenaan.

"Selain itu, pastinya kita juga dapat menjaga keseimbangan ekosistem sekaligus mengurangkan kos pengurusan sisa," ujarnya ketika hadir pada Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Pinang dekat sini, baru-baru ini.

Difahamkan, **Kerajaan Negeri menerusi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing memperuntukkan RM94.27 juta dan RM101.73 juta bagi pengurusan sisa dan pembersihan awam di kawasan pentadbiran masing-masing.**

**Selain itu, bermula 1 Jun 2016 hingga akhir tahun 2016, MBPP dapat menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM1.59 juta, manakala MPSP (RM729,999) menjadikan keseluruhan penjimatan RM2.38 juta.**

Mengulas lanjut, **Guan Eng yakin sekiranya dasar tersebut dilaksanakan secara menyeluruh dan rakyat Pulau Pinang turut sama menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dapat menjimatkan sehingga RM10 juta.**




**KETUA Menteri dan barisan tetamu kehormat yang hadir menyempurnakan gimik pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca KADUN Sungai Pinang di sini baru-baru ini.**

**"Hal ini (penjimatan RM10 juta) tidak mustahil, yang penting rakyat bersama-sama kita (Kerajaan Negeri) menjayakannya.**

**"Oleh itu, saya ingin menyeru agar kita semua melibatkan diri dalam program-program pengasingan sisa yang diadakan mulai hari ini demi kesejahteraan dan kelestarian masa hadapan semua...bukan sekadar penguatkuasaan sahaja,"** serunya yang turut meluangkan masa menyampaikan hadiah dan penghargaan kepada agensi terlibat dalam program berkaitan.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Setiausaha Bandaraya, MBPP, Ar. Yew Tung Seang, barisan Ahli-ahli Majlis MBPP serta wakil-wakil badan pengurusan dan pengurusan bersama (MC/JMB) Bandar Sri Pinang juga hadir menyerikan program yang bermula seawal 7 pagi berkenaan.

# KN terus pertahan tiada loji nuklear di Pulau Pinang

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang berikrar akan terus mempertahankan negeri ini daripada sebarang projek pembinaan loji nuklear pada masa hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pulau Pinang akan terus kekal sebagai sebuah negeri hijau dan Kerajaan Negeri tidak akan sesekali memberi kebenaran kepada Pusat untuk membina loji nuklear di sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) ingin rakyat hidup dalam keadaan selamat.

"Kita tak mahu rakyat menderita disebabkan reaksi nuklear.

"Jika boleh, biarlah mereka (Persekutuan) lakukan hal yang sama iaitu tidak membina walau satu loji nuklear pun di Malaysia," tegasnya ketika merasmikan Majlis Penutup Earth Hour Night Walk 2017 di sini pada 25 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Pengarah Pemuliharaan World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia, Dr. R. Sundari dan Pengurus Besar Hotel St. Giles, Tane Picken.

Pelepasan lebih 2,000 peserta berjalan kaki disempurnakan oleh Kon Yeow sejurus kompleks pasar raya tersebut dimalapkan lampunya selama satu jam bermula 8.30 malam sebagai tanda sokongan kepada kempen *Earth Hour 2017*.




**CHOW Kon Yeow (dua dari kanan) serta barisan penganjur merakamkan gambar kenangan bersama-sama maskot WWF pada penganjuran *Earth Hour Night Walk 2017* di sini baru-baru ini.**

Sambutan *Earth Hour* yang diraikan setiap tahun pada hari Sabtu minggu terakhir bulan Mac merupakan inisiatif kesedaran alam sekitar peringkat global yang diadakan dengan kerjasama WWF.

## Agenda Hijau Pulau Pinang ke arah melestarikan alam sekitar

**GEORGE TOWN –** Kelestarian alam sekitar begitu sinonim dengan masyarakat hari ini, malah, segelintir menganggapnya sebagai suatu tuntutan ketamadunan moden.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, masyarakat hari ini perlu lebih peka dalam melestarikan alam sekitar dan sumber alam semulajadi.

Beliau berkata, walaupun Kerajaan Negeri sentiasa memberi pendidikan awam dan melaksanakan pelbagai inisiatif hijau yang sewajarnya kepada umum, namun tanggungjawab menjaga alam sekitar adalah secara semua.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu melihat kelestarian alam sekitar sebagai sesuatu yang mewah, sebaliknya mahu menjadikan ia sebagai penggerak peluang-peluang ekonomi sedia ada.

"Rakyat, khasnya, perlu lebih sedar dan bertanggungjawab dalam semua perkara agar memberi kesan positif dalam usaha melestarikan alam sekitar.

"Lagipun, siapakah yang bakal menikmati faedah hasil kepedulian semua pihak? Pastinya rakyat, saya, anda dan semua," ucapnya ketika merasmikan Bengkel Agenda Hijau Pulau Pinang di *Penang Institute* (PI) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow merangkap Naib Pengerusi Penang Green Council (PGC); Pengarah PGC yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Agenda Hijau Pulau Pinang, Datuk Leong Yueh Kwong dan Naib Pengerusinya, Datuk Renji Sathiah serta Pengarah PI merangkap Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Turut serta, Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen dan Penyelidik dari Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Dr. Jose Siri juga hadir.

Guan Eng yang juga Pengerusi PGC berkata, faktor-faktor seperti perubahan cuaca yang mendadak kini menjadi cabaran paling getir, malah mula menjadi krisis di beberapa buah negara apabila ia mengganggu aktiviti harian dan kegiatan ekonomi setempat.

"Data terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi menunjukkan suhu minimum di Pulau Pinang telah meningkat 1.5 darjah celsius sejak lebih 50 tahun lalu.

"Malah, rekod yang diperoleh juga menunjukkan setiap hari, setiap penduduk di Pulau Pinang membuang kira-kira 1.1 kilogram sampah menjadikan 1,700 hingga 1,800 tan (sampah) dibuang ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong setiap hari.

"Oleh itu, sejak 2010, Kerajaan Negeri rancak melaksanakan pelbagai program berlandaskan visi 'Bersih, Hijau, Sihat, Selamat dan Ceria' sehingga hari ini.

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut mensasarkan kadar kitar semula antara 32 hingga 40 peratus menjelang tahun 2020 nanti, sungguhpun kini Pulau Pinang telah mencatat sejarah dengan kadar (kitar semula) 32 peratus berbanding (kadar) nasional pada 10.5 peratus," ujarnya yang berharap Bengkel Agenda Hijau Pulau Pinang dapat mencapai matlamat ke arah mewujudkan pengurusan alam sekitar yang lebih teratur.

Agenda Hijau Pulau Pinang merupakan panduan yang mengandungi strategi, pelan-pelan tindakan termasuk penunjuk kemampanan pembangunan bagi tempoh 2018 hingga 2030 mengikut Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UNSDGs) yang diguna pakai sejurus Sidang Kemuncak Pembangunan Lestari PBB yang diadakan pada September 2015.

# Renang rentas selat, acara antarabangsa tahunan kalendar sukan negeri – Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MPSP**



CHONG Eng (berbaju jingga) menyarungkan medal kepada salah seorang pemenang di lokasi penamat edisi ketiga Renang Rentas Selat Pulau Pinang Peringkat Antarabangsa 2017 dekat Pantai Bersih di sini baru-baru ini.

**BAGAN JERMAL -** Tan Rupert dan Jose Luis Larossa Chorro muncul sebagai dua pemenang teratas dalam cabaran edisi ketiga Renang Rentas Selat Pulau Pinang Peringkat Antarabangsa 2017 pada 25 Mac lalu, dari pantai dekat Persiaran Gurney ke persisiran Pantai Bersih dekat Butterworth di sini.

Ketika ditemui, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, acara itu sebenarnya telahpun diadakan pada 1988, dan cuba dihidupkan semula oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) harap *Penang International Cross Channel Swim* (Renang Rentas Selat Pulau Pinang Peringkat Antarabangsa) ini akan menambahkan satu lagi acara tahunan dalam kalender pelancongan sukan negeri di peringkat antarabangsa.

"Kali ini, saya dapati hampir semua peserta memakai pakaian renang menutup seluruh badan untuk elak tersentuh obor-obor seperti tahun lepas, dan ini ciri-ciri keselamatn yang bagus bagi acara peringkat antarabangsa," katanya pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.



Tan Rupert (kiri) dan Jose Luis Larossa Chorro masing-masing menunjukkan medal dimenangi.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Datuk Frederick Tan Teck An antara pemimpin negeri yang hadir meraikan acara tahunan tersebut.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang turut merakamkan penghargaan kepada Persatuan Renang Amatur Pulau Pinang (PASA), MSNPP, MPSP serta beberapa pertubuhan lain yang saling bekerjasama menjayakan acara tersebut.

Manakala Maimunah pula memberitahu, penganjuran acara tahunan tersebut sekaligus menyumbang kepada usaha meremajakan lagi kawasan pelancongan Pantai Bersih, sebagaimana dirancang secara bersama antara MPSP dan Syarikat Think City Berhad (ThinkCity) di bawah Projek Butterworth Baharu.

## Cuti bergaji 3 hari setahun jaga anak sakit bawah 12 tahun, Pulau Pinang buat permohonan JPA jadi negeri pertama laksana

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Pulau Pinang berhasrat melaksanakan pemberian tiga hari cuti bergaji setahun kepada ibu bapa dalam perkhidmatan awam, bagi menjaga anak berusia 12 tahun ke bawah yang mendapatkan rawatan perubatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, cadangan itu telah diluluskan di dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri bertarikh 29 Mac lalu serta akan dilaksanakan jika mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah Kerajaan Pusat.

"Pulau Pinang jadi negeri pertama melaksanakan cadangan ini, namun ia tidak boleh dilaksanakan dengan serta-merta kerana kelulusannya adalah di bawah JPA.

"Saya dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri telahpun meminta Setiausaha Kerajaan Negeri (Dato' Seri Farizan Darus) untuk membuat permohonan ini kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan ia hanya boleh dilaksanakan selepas kelulusan diberikan oleh JPA," jelasnya yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan pada sidang media di sini.

Turut serta, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tembatan Banjir, Chow Kon Yeow yang juga Pengerusi DAP Negeri; Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Menurut Guan Eng, hasrat itu asalnya adalah cadangan sayap Wanita DAP dan diluluskan dalam Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) parti pada 27 Mac lalu, sebelum diketengahkan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada hari berkaitan.

Dalam sidang media sama, Chong Eng menyifatkan hasrat Kerajaan Negeri itu sebagai 'hadiah' menjelang sambutan Hari Buruh pada 1 Mei nanti, jika permohonan Kerajaan Negeri diluluskan JPA kelak.

## Pulau Pinang negeri pertama laksana GRPB peringkat kerajaan tempatan

**SEBERANG JAYA –** Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) baru-baru ini meluncurkan Manual dan Buku Panduan Gender Responsive and Participatory Budget (GRPB) dalam mengarusperdanakan gender sehingga ke peringkat akar umbi.

Manual yang diterbitkan dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris tersebut merupakan pendekatan dalam melaksanakan GRPB yang lebih efektif, adil serta menyeluruh dalam konteks urus tadbir yang baik dan kesaksamaan gender.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga & Komuniti, Chong Eng yang hadir menyempurnakan peluncuran tersebut kagum dengan komitmen yang ditonjolkan oleh PWDC dan pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri.

"Manual ini merupakan manual khas bagi jabatan atau agensi perkhidmatan awam dalam merancang serta melaksanakan GRPB bersama-sama dengan komuniti setempat.

"Malah, saya sangat bangga kerana Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan GRPB di peringkat kerajaan tempatan.

"Saya juga bangga dengan komitmen pemimpin komuniti sama ada Ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan persatuan-persatuan penduduk dalam menjayakan pelaksanaannya sehingga ke akar umbi," ujarnya yang juga ADUN Padang Lalang.

Dalam pada itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail ketika berucap menyatakan bahawa pihaknya sentiasa bekerjasama dengan PWDC terutama dalam program-program di peringkat komuniti seperti Bengkel Outcome Base Budgetting, Sesi Town Hall MBPP bersama masyarakat setempat dan projek di Pasar Lebuh Campbell dekat George Town.

"Kerjasama kami (MBPP dan PWDC) terserlah melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai dan Projek Taman Kenari, Sungai Ara.

"Mulai tahun ini juga, Kerajaan Negeri turut menetapkan penunjuk prestasi utama (KPI) yang perlu dicapai oleh PBT dalam mengarusperdanakan gender ke arah keselarasan, antaranya menyempurnakan sistem pangkalan data mengikut jantina, menginstitusikan program kesedaran gender, merangka garis panduan gender dalam pada tahun 2018 dan mencapai penyertaan 30 peratus wanita sebagai Ahli Majlis serta Ketua Jabatan wanita menjelang 2020.

"Bagi penyertaan wanita, MBPP kini telahpun berjaya melaksanakannya iaitu 33.3 peratus atau lapan daripada 24 Ahli Majlis MBPP adalah wanita dan 41.17 peratus atau tujuh daripada 17 Jabatan MBPP diterajui oleh wanita," jelasnya.

Bagi Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif, MPSP sejak tahun 2014, pihaknya telah menjalankan Soal Selidik Bajet melibatkan semua komuniti di Seberang Perai.

"Juga pada tahun 2016, MPSP telah memulakan empat projek perintis GRPB iaitu kontrak pembersihan di Pulau Aman, projek naik taraf di Taman Tunku, Kompleks Penjaja Kurau 3 di Taman Chai Leng dan projek peningkatan keselamatan di PPR Ampangan, Ampang Jajar.

"Selain itu, saya juga merupakan *Global Executive Committee of International Council of Local Environmental Initiatives* (ICLEI) mewakili Asia Tenggara, antara dua wanita yang secara konsisten memperjuangkan isu gender dalam ICLEI.

"Akhirnya, agenda kesetaraan gender berjaya dimasukkan dalam agenda ICLEI dalam pembangunan mampan memandangkan wanita juga berperanan dalam membangunkan sesebuah negara," katanya yang turut membawa isu kesaksamaan gender sehingga ke peringkat antarabangsa.

Selain itu, MBPP dan MPSP kini sedang giat merencanakan Pelan Tindakan Strategik Penginstitusian GRPB bagi tempoh 2016-2018 dalam mengintegrasikan gender dan proses penyertaan rakyat selaras dengan *Agenda 2030 Sustainable Development Goals* (SDGs) – '*No one leave behind*' oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

# Nizam nekad usaha ternak ayam kampung, perapan resipi keluarga

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**MELIHAT** beratus-ratus ekor ayam belaan mati semalaman pernah mematahkan semangat Ahmad Nizam Kassim, 37, untuk terus bergiat di dalam bidang perusahaannya kini.

"Akibat ancaman anjing liar, mereka kira-kira 70 ekor pecah masuk reban... 105 ekor ayam habis mati.

"Penat kita," keluh Ahmad Nizam hampir berputus asa empat tahun lalu.

Pertemuan Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara dengan Ahmad Nizam atau lebih dikenali dengan nama pendeknya, Nizam diatur selepas penulis menemui beliau di Majlis Penyampaian Pinjaman Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) oleh Kerajaan Negeri di Komtar sebelum itu.

Berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perusahaan ayam kampung yang dijalankan, sesi wawancara telah diadakan di kediamannya di Kampung Permatang Pasir, Balik Pulau.

Reban-reban ayam kampung perusahaannya terletak di belakang kediaman tersebut, mengadap bendang dan kebun pisang yang amat luas. Begitu sejuk mata memandang!

Seorang yang amat ceria perwatakannya, sambil membawa ole-ole ayam perapan yang dihasilkannya, Nizam menyatakan bahawa semuanya bermula dengan hobi.

"Saya beli 30 ekor anak dari 'Pekan Kongsi' (Balik Pulau). Selepas itu, baru tambah jadi 100 ekor.

"Masa permulaan, disebabkan tiada pengalaman, daripada 30 ekor anak, lima mati disebabkan faktor cuaca dan tidak lengkap vaksin.



ANTARA jenis ayam kampung kacukan, sum sum yang dipelihara.

"Apabila ayam dah besar, pasaran sangkut pula sebab baru nak cari (pasaran) pada saat-saat akhir. Ini kerana, tempat-tempat sembelihan (ayam) sudah ada pembekal tetap, dan memang mereka tidak akan ambil sebarangan atau tambahan daripada pembekal lain.

"Akibatnya, kami terpaksa 'makan' sendiri ayam-ayam itu," ujarnya ketika berkongsi pengalaman awal dalam bidang berkaitan.

Namun, sebagai alternatif dan jaminan pulangan modal tempoh tersebut, hasil sokongan isteri serta keluarga, Nizam mempelopori inisiatif membuat perapan ayam kampung.

"Kami bermula pada tahun 2015 sebelum bulan Ramadan. Kumpulan pertama, sebanyak 20 *tupperware* dipasarkan untuk *test market* di sekitar Balik Pulau, menerusi *Facebook* dan *whatsapp*.

"Alhamdulillah, setakat ini, stok tiap-tiap minggu habis dan saya kena *restock* 20 bungkus setiap minggu.

"Bagi bekalan ayam, memang saya kena asingkan siap-siap ayam yang untuk diperap dan untuk dijual daging," jelasnya sambil menyatakan bahawa pasarannya kini telah memasuki Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

Mengulas lanjut, Nizam memberitahu, berat ayam bagi pasaran daging adalah 1.3 kilogram (kg) hingga 1.6kg, manakala bagi perapan adalah antara 1.2kg hingga 1.3kg ketika timbang hidup.

"Sekiranya berat ayam terlebih atau terkurang, memang ia tidak akan laku di pasaran kini.

"Malah, keistimewaan perapan yang sesuai digoreng dan *grill* dengan harga pasaran RM20 (satu bekas) hasil keluaran kami adalah ia berasaskan resipi keluarga menggunakan rempah-ratus asli tanpa perisa tambahan, selain bekalan ayam kampung yang segar peliharaan sendiri," ulasnya yang merupakan anak kelima daripada lapan beradik.

Tambah Nizam, bagi penjualan daging ayam kampung, penghantaran dalam tempoh seminggu kini adalah mencecah 80 hingga 100 ekor.



AHMAD Nizam Kassim (kiri) dan Ahmad Adam.



AYAM kampung kacukan sum sum merah.




RUPA bentuk ayam perapan yang siap dibungkus.

"Jumlah ini tidak termasuk jualan langsung seperti tempahan daripada rakan-rakan, orang kampung, *Facebook* dan *whatsapp*.

"Tempoh tuaian ayam kampung jenis kacukan dikenali *sum sum* atau *sum sum merah* peliharaan saya adalah kira-kira dua setengah bulan hingga tiga bulan berbanding yang asli (ayam kampung biasa), yang memerlukan tempoh enam bulan," katanya sambil menjelaskan sebab jenis kacukan tersebut dipilih untuk diusahakan.

Ketika diminta mengulas mengenai pinjaman mikro kredit TUTM yang diterima, Nizam menyatakan bahawa beliau bercadang untuk menggunakan ia untuk menambah bekalan anak ayam, ubah suai reban dan membuat reka bentuk pembungkusan ayam perapannya.

"Saya bersyukur, selepas kira-kira setahun pohon, saya dapat pinjaman ini.

"Saya akan mula dengan modal ubah suai reban baru dan pada masa sama memperbaiki serta mencantikkan reka bentuk pembungkusan ayam perapan dan kemungkinan menggunakan plastik pula," ujarnya.

Sebelum mengakhiri sesi temubual, Nizam menyatakan bahawa bagi mereka yang berminat, boleh menceburi bidang berkenaan kerana permintaan sentiasa ada, terutamanya pada musim-musim perayaan.

"Cuma apa yang penting adalah tidak mudah putus asa, rajin dan komited," jelasnya sambil tersenyum ditemani anak bongsu, Ahmad Adam, 5, yang selalu membantu beliau menangkap ayam untuk dijual serta mencuci reban sekiranya perlu.

**INFO:**
**No. Tel. : 012 – 545 4004 / 012 – 507 7004**

# Sudut Kreatif @Tech Dome pupuk bidang STEM dalam masyarakat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **J. PATMAVATHY**

**GEORGE TOWN –** Inisiatif penubuhan Sudut Kreatif @Tech Dome bakal meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap peri pentingnya menguasai bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Ketika berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berharap inisiatif bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), *Tech Dome Penang* (TDP), *The Whytehouse Education Group* dan Kiwanis itu, suatu hari nanti akan menjadikan Pulau Pinang lebih dikenali sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi.

"Pembukaan sudut baru ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dalam kalangan masyarakat, khususnya kanak-kanak.

"Diharap ia mampu meningkatkan kesedaran generasi muda," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai pada Majlis Perasmian Sudut Kreatif @Tech Dome di sini baru-baru ini.

Menyempurnakan majlis berkaitan ialah Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Datin Seri Ir. Hamidah Mat Daud (Pengerusi PUSPANITA Pulau Pinang), Dr. Khong Yoon Loong (Ketua Pegawai Eksekutif Penang Tech Centre Berhad), Jery Yeoh Hooi Seng (Pengasas kumpulan The Whytehouse Education) dan Sharimah Salleh (Pengarah PPAPP).

Dalam pada itu, Ramasamy turut menzahirkan penghargaan atas komitmen Abdul Rahman dalam menyokong usaha penerapan STEM di negeri ini.

Difahamkan, Sudut Kreatif @Tech Dome menyediakan kemudahan pembelajaran lebih interaktif dan kreatif pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak dengan memberi peluang kepada pengunjung meneroka ilmu serta berimaginasi dengan koleksi dan pengisian yang disediakan.




**DR. Abdul Rahman Abbas (tengah, berbaju batik) diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan jawatankuasa penganjur bersama-sama sebahagian kanak-kanak mengikuti sesi pembelajaran interaktif yang disediakan di Sudut Kreatif @Tech Dome pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**



**SALAH satu sudut kreatif yang menarik minat beberapa perserta.**



# Buat kerja sehabis baik, jangan berkira andai bekerja lebih masa – Mohd. Faidrol

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**MOHD. FAIDROL MOHD. RADZI**, 34, mula berkhidmat dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak 2010.

Paling mencabar, Pengarah Pelesenan tersebut memberitahu, adalah ketika menangani penjajaan tanpa lesen sah di Taman Pelangi beberapa tahun lalu.

"Alhamdulillah...secara langsung saya tidak pernah menerima ugutan," ujarnya ketika ditemui pada Majlis Penghargaan Pesara MPSP 2017 & Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016 di Dewan Milenium Kepala Batas, 21 Mac lalu.

Dalam majlis tahunan tersebut, Mohd. Faidrol merupakan antara 221 penerima APC.

"Saya mula bertugas di MPSP pada Mac 2010 dan ini kali pertama saya mendapat APC," jelasnya.

Atas pengiktirafan yang diterima, Mohd. Faidrol merakamkan penghargaan kepada Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif serta Setiausaha Majlis, Sr. Rozali Mohamud.

Menurut Mohd. Faidrol, beliau bertuah kerana mempunyai pasukan kerja yang begitu dedikasi.

"Jabatan Perlesenan penting di sisi MPSP kerana kami menyumbang hasil bukan cukai daripada sumber bayaran pelesenan.

"Isu penjaja tanpa lesen salah satu cabaran di jabatan, tetapi kami senantiasa berusaha untuk mengurangkan birokrasi dengan pelanggan.

"Memang saya sendiri sedang mencari jalan untuk mengurangkan lagi birokrasi dengan pelanggan, harapan saya suatu hari nanti semua lesen boleh terus dicetak dari rumah, sebagaimana perkhidmatan MyEG yang boleh memperbaharui lesen secara online.

"Masih dalam perancangan lagi... apabila kita mempermudahkan pelanggan mendapatkan lesen, kita (MPSP) kena kuatkan sistem pemantauan kita supaya semua data premis berlesen dan tidak berlesen di hujung jari," katanya.

Mohd. Faidrol menganggap APC yang diterima adalah hadiah buat isteri dan tiga anaknya.

"Bagi saya, yang penting buat kerja sehabis baik, naik taraf pengetahuan dan pengalaman serta jangan berkira andai bekerja lebih masa, jika ada rezeki anak dan isteri, Allah akan simpan untuk kita," jelasnya sambil melahirkan rasa syukur.

Dalam pada itu, seorang lagi penerima yang hanya mahu dikenali sebagai **HAJI BAHARIM**, 56, memberitahu bahawa beliau akan bersara pada 27 Julai ini.

Dalam nada sebak bercampur gembira, beliau menyatakan bahawa begitu gembira menjadi sebahagian "keluarga besar" MPSP.

"Saya mula bekerja dari bawah, sebagai kerani pada 16 November 1981, 1991 menjadi pembantu tadbir di (Jabatan) Khidmat Pengurusan.

"Oktober 2008, saya dilantik menjadi Kerani Kanan di Jabatan Kejuruteraan dan menjadi Ketua Kerani Kanan di Jabatan Perbendaharaan bermula November 2011," jelasnya.

Haji Baharim turut berkongsi pengalaman manis menyediakan sistem carian fail secara *offline* menggunakan sistem label fail.

"Bayangkan satu-satu jabatan itu berapa banyak fail jika MPSP ini adalah PBT (pihak berkuasa tempatan) paling besar di Malaysia.

"Sebagai kerani yang menguruskan fail secara *offline*, kalau tiada sistem susunan fail secara sistematik, memang susah nak dicari.

"Atas pengalaman bekerja dari bawah, saya dan kawan-kawan berjaya mendapatkan suatu kaedah mencari fail, dengan menggunakan sistem *marking tape* berwarna... contoh kuning untuk Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan hijau, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Sistem ini disediakan pada tahun 1989 dan saya bangga kerana sampai sekarang sumbangan saya dan kawan-kawan masih digunakan di MPSP," ujarnya.

Hari-hari terakhir Haji Baharim sebagai penjawat awam di MPSP, beliau melahirkan rasa yakin tahap pengurusan pentadbiran dan mutu pelanggan akan bertambah baik dengan kehadiran bakat baharu menyertai PBT berkenaan kelak.




**MOHD. Faidrol Mohd. Radzi (barisan belakang, empat dari kiri) bersama-sama para penerima lain bergambar kenangan bersama-sama Chow Kon Yeow (barisan depan, tiga dari kiri) dan Maimunah Mohd. Sharif (barisan depan, dua dari kiri) pada Masjlis Penghargaan Pesara MPSP 2017 & Penyampaian APC 2016 di sini baru-baru ini.**

# Dasar asing sisa di punca, kakitangan MPSP mesti jadi teladan - YDP

**BERTAM** - Kira-kira 5,000 kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mesti menjadi contoh teladan dengan melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di kawasan kediaman masing-masing, sebelum ia (dasar tersebut) mula dikuatkuasakan 1 Jun ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' **Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, pihaknya akan memulakan pemeriksaan ke atas kediaman milik kakitangan MPSP di bahagian Seberang Perai terlebih dahulu berdasarkan data alamat rumah yang pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sedia ada.**

**"Sebelum ini, kita memang ada membuat pemeriksaan rumah semua ketua-ketua jabatan (MPSP), dan saya boleh memastikan bahawa semua daripada mereka memang melaksanakan amalan pengasingan sisa di punca.**

**"Kita percaya perubahan bermula daripada diri sendiri, maka, saya nak 5,000 kakitangan khususnya yang tinggal di Seberang Perai menjadi ejen perubahan dengan melaksanakan dasar ini.**

**"Mana-mana kakitangan yang duduk di Seberang Perai, kita (MPSP) akan tengok alamat rumah mereka dan akan membuat pemeriksaan serentak dengan pelaksanaan kerja-kerja kutipan sisa di kawasan kediaman masiing-masing**," jelasnya kepada pemberita, selepas berucap pada Majlis Penghargaan Pesara 2017 Dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016 di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota turut berucap dan merasmikan dwi acara tahunan tersebut.

Seramai 221 penerima APC, pesara berwajib (48), pesara pilihan sendiri (23) dan waris kakitangan MPSP yang meninggal dunia (13) diraikan dalam majlis berkaitan.

Menurut Maimunah, MPSP mulai 1 Jun ini akan memberi kompaun maksimum RM250 bagi tiap-tiap pihak yang dikenal pasti gagal melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dekat premis masing-masing.

"Hampir setahun sejak 1 Jun tahun lepas lagi, pelbagai program telahpun dilaksanakan sebelum Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bakal dikuatkuasakan 1 Jun ini (2017).

"Kalau program kesedaran dan kempen kitar semula, kita (MPSP) telah laksanakan sejak 2009," jelasnya.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, MPSP dalam tempoh bulan Ogos hingga 9 Disember tahun lepas sahaja telahpun mengeluarkan sebanyak 9,446 Notis Pemberitahuan kepada pemilik premis yang didapati tidak mengasingkan sisa di punca.

Malah, tambah beliau, MPSP dalam tempoh 1 Januari sehingga 17 Mac lalu direkodkan mengeluarkan 5,836 Notis Pemberitahuan kepada mereka yang gagal melaksanakan 'amalan hijau' tersebut.

"Notis Pemberitahuan ini adalah nasihat kepada mereka yang gagal mengasingkan sisa di punca di premis masing-masing, tapi selepas 1 Jun (2017) ini, kompaun akan dikeluarkan," jelas Maimunah.


MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

## IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Kesihatan Persekitaran | U41 | Tetap |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD43 | Tetap |
| 3. | Arkitek | J41 | Tetap |
| 4. | Pegawai Pertanian | G41 | Kontrak |
| 5. | Pegawai Perancang Bandar dan Desa | J41 | Kontrak |
| 6. | Arkitek Landskap | J41 | Kontrak |
| 7. | Pegawai Veterinar | GV41 | Tetap |
| 8. | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran | U29 | Tetap |
| 9. | Jururawat | U29 | Tetap |
| 10. | Penolong Pegawai Senibina | JA29 | Tetap |
| 11. | Penolong Jurutera | JA29 | Tetap |
| 12. | Penolong Arkitek Landskap | JA29 | Kontrak |
| 13. | Penolong Pegawai Veterinar | G29 | Tetap |
| 14. | Penolong Pegawai Tadbir | N29 | Kontrak |
| 15. | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | FA29 | Kontrak |
| 16. | Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa | JA29 | Tetap/Kontrak |
| 17. | Jururawat Masyarakat | U19 | Tetap |
| 18. | Pembantu Kemahiran | H19 | Tetap |
| 19. | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W19 | Tetap/Kontrak |
| 20. | Pembantu Penilaian | W19 | Kontrak |
| 21. | Pemandu Kenderaan | H11 | Tetap/Kontrak |
| 22. | Pengawal Keselamatan | KP11 | Tetap/Kontrak |

mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

**CARA MEMOHON** : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (*'on-line'*) menerusi portal rasmi **http://www.mbpp.gov.my**. atau **http://eperjawatan.mbpp.gov.my** mulai **9 April 2017.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 APRIL 2017**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Modal Insan** di talian berikut:- **04-2592115 / 2311 / 2245**

# Penerima APC: Pelbagai pengalaman ditimba, terharu dihargai



A. Alex.



S. Sukumaran.



ZIATON Abu Bakar.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN BARU –** Meskipun pernah diherdik dan hampir dicederakan, namun ia tidak mematahkan semangat **A. ALEX**, 57, untuk terus berkhidmat dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sehingga disenaraikan sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017 di sini baru-baru ini.

Alex yang berkhidmat sebagai pemandu kenderaan di Jabatan Penguatkuasaan MBPP ketika ditemui berkata, sepanjang perkhidmatan beliau hampir 30 tahun, pelbagai pengalaman ditimbanya.

"Banyak kenangan dapat masa bekerja.

"Ada yang manis, ada masa mencabar. Yang paling mencabar apabila buat (aktiviti) penguatkuasaan ke atas kenderaan yang melanggar peraturan.

"Ada yang faham ada yang tidak. Saya sendiri pernah dimarah dan diserang oleh pemilik kenderaan ketika menunda kereta mereka," kongsinya kepada wakil Buletin Mutiara sejurus selepas Majlis Penghargaan Pesara dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBPP Tahun 2017 di sini baru-baru ini.



PATAHIYAH Ismail (tengah, bertudung merah jambu), Ar. Yew Tung Seang, Mohamed Akbar Mustapha, barisan ahli-ahli majlis dan ketua-ketua jabatan bergambar kenangan dengan para penerima anugerah pada Majlis Penghargaan Pesara dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBPP Tahun 2017 di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Mohamed Akbar Mustapha, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Pada majlis sama, seramai 110 pesara, pegawai (233) dan kakitangan MBPP turut menerima penghargaan ekoran prestasi kerja yang cemerlang tahun lalu.

Bagi pekerja awam, **S. SUKUMARAN**, 34, beliau memberitahu, insiden tanah runtuh di Green Garden, Paya Terubong beberapa tahun lalu merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakannya sepanjang berada di dalam perkhidmatan selama tujuh tahun.

"Semasa kejadian tanah runtuh tersebut, kami (pekerja MBPP) bekerja keras selama 24 jam untuk membersihkan kawasan tersebut.

"Walaupun ia telah berlalu, tapi kini berbaloi dan saya gembira kerana MBPP menghargai pekerja am seperti kami," ujarnya sambil menyatakan anugerah tersebut pertama kali diterima beliau.

Manakala, **ZIATON ABU BAKAR** iaitu salah seorang pesara yang diraikan pada majlis tersebut turut berkongsi kegembiraan sama.

"Syukur, terima kasih MBPP bagi saya peluang kerja selama 33 tahun," ujarnya ringkas.

Dalam pada itu, Patahiyah ketika berucap berkata, majlis berkenaan adalah pemangkin untuk semua pegawai serta kakitangan agar terus memberikan sepenuh perhatian dan daya usaha ke arah mempertingkatkan prestasi kerja, sekaligus menjadikan perkhidmatan MBPP terus diyakini serta menepati kehendak dan ekspektasi rakyat Pulau Pinang.

"Anugerah ini merupakan satu langkah bagi membudayakan kecemerlangan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan.

"Proses pemilihan adalah mengambil kira pelbagai aspek seperti kewibawaan, ketrampilan dan penglibatan kakitangan dalam memberikan sumbangan terhadap pembangunan dan kesejahteraan masyarakat," jelas beliau.

# Sewaan kenderaan beroda, MBPP bakal wujud SOP baru

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal mewujudkan Tatacara Pengendalian Piawaian (SOP) baharu terhadap pemberian lesen sewaan kenderaan beroda kepada para peniaga di sekitar kawasan George Town.

Perkara tersebut dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam MBPP, Ahmad Azrizal Tahir ketika ditemui sejurus Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Jelas Azrizal, prosedur tersebut penting ekoran penggunaan basikal beroda empat yang semakin berleluasa kini dalam kalangan pengusaha sebenarnya memerlukan kebenaran khas dari Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).

"Kita (MBPP) akan mewujudkan satu SOP berhubung pemberian lesen kepada para pengusaha yang menyewakan kenderaan beroda kepada pengguna.

"Pengusaha perlu mengikut garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh JPJ.

"Jika ada sebarang pelanggaran undang-undang, MBPP tidak akan teragak-agak menarik balik lesen yang telah dikeluarkan," jelasnya.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Saiful Azwan Abd. Malik.

Pada 26 Mac lalu, MBPP dengan kerjasama JPJ, Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengadakan Kempen Kesedaran Mengenai Kesalahan Trafik dan Lalulintas di Lebuh Pantai di sini.

Mengulas lanjut, Ahmad Azrizal memberitahu, penggunaan basikal (beroda empat) jenis berkaitan di atas jalan raya adalah memerlukan kebenaran khas JPJ.

"Basikal beroda tiga iaitu beca serta dua roda yang biasa digunakan



AHMAD Azrizal Tahir.





CONTOH kenderaan/basikal empat roda atau lebih yang disewa kepada pengguna sekitar George Town kini.

itu sememangnya dibenarkan dari segi undang-undang, tetapi jika basikal empat roda, ia memerlukan kebenaran bertulis pihak JPJ.

"Malah, Majlis juga mengambil kira faktor keselamatan pengguna, kerana biasanya satu basikal (empat roda) ini dinaiki oleh empat hingga enam orang dengan menempatkan kanak-kanak di bahagian hadapan basikal.

"Sekiranya berlaku kemalangan, kemungkinan kecederaan parah berlaku adalah amatlah tinggi.

"Justeru, kita (MBPP) ingin berikan pendidikan dan kesedaran awam kepada pengusaha serta umum bahawa penggunaan basikal (empat roda) ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan khas pihak berkuasa" ujar beliau.

# Unit Rumah Pangsa Blok 115 Jalan Kedah terima pengecualian cukai taksiran

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



CHOW Kon Yeow (lima dari kiri) berjabat tangan dengan wakil penduduk Blok 115 Rumah Pangsa Jalan Kedah berhubung pengecualian cukai taksiran di sini baru-baru ini.

**PADANG KOTA –** Semua unit kediaman Rumah Pangsa Blok 115 Jalan Kedah di sini diperakukan pengecualian cukai taksiran bagi tahun 2016 dan 2017 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini.

Berita gembira itu disampaikan sendiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Chow Kon Yeow.

Menurut Kon Yeow yang juga Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, keputusan tersebut (memberi pengecualian cukai taksiran) telah dibuat oleh Kerajaan Negeri setelah meneliti laporan dikemukakan MBPP.

"Bagi pemilik premis yang sudah membayar cukai taksiran ini perlu mengisi borang dan hantar ke MBPP (dekat Komtar) bagi proses pemulangan wang," ujarnya pada satu sidang media dekat Rumah Pangsa Jalan Kedah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBPP, Cheong Chee Heong dan Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Rumah Pangsa Jalan Kedah, Teh Chai Hock.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa sebelum ini Kerajaan Negeri memberi pengecualian cukai taksiran bagi tahun 2016 dan 2017 bagi rumah kediaman yang berstatus kos rendah (KR) dan sederhana rendah (KSR).

"Namun kita (Kerajaan Negeri) dapati ada juga unit-unit yang dibangunkan PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) misalnya, tidak mempunyai status KR atau KSR setelah mendapat sijil layak menduduki (CF).

"Maka Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa rumah pangsa bersaiz 700 kaki persegi (kp) dan ke bawah atau harga jualan asal RM72,500 dan ke bawah, layak menerima pengecualian ini.

"Pemilik premis yang sama seperti kriteria disebutkan boleh mohon kepada MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk pengecualian cukai taksiran," jelasnya.

Difahamkan, inisiatif Kerajaan Negeri mengecualikan cukai taksiran bagi pemilik rumah kediaman berstatus KR dan KSR mampu menjimatkan kos sehingga RM137 setahun.

# Inisiatif CSR swasta dan PBT ke arah negeri sihat, hijau

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



RUPA bentuk gelanggang futsal baru di sini.



SEORANG kanak-kanak sedang bermain buaian di Taman Kejiranan Lebuh Padang Tembak yang dirasmikan di sini baru-baru ini.

**AIR PUTIH -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memuji inisiatif syarikat-syarikat swasta yang sudi melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama-sama Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri sihat dan hijau.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Gelanggang Futsal dan Kemudahan Rekreasi Taman Kejiranan Lebuh Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, usahasama yang dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat dan negeri Pulau Pinang perlu diteruskan dari masa ke masa.

Misalnya, jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, projek mewujudkan sebuah gelanggang futsal dan kemudahan rekreasi di sini.

"Tahniah dan syabas kepada penaja yang menjayakan projek ini sekaligus menjadikan ianya projek CSR pertama membabitkan pembinaan gelanggang futsal berspesifikasi Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), mengikut standard antarabangsa dengan kos mencecah RM400,000.

"Begitu juga penaja bagi landskap di Taman Kejiranan Lebuh Padang Tembak ini, PLB Engineering Berhad (PLB) yang menyumbang RM100,000 bagi kerja-kerja landskap di sini," ujarnya yang mahu melihat lebih banyak program-program penghijauan dapat dilaksanakan secara CSR pada masa hadapan.

Mengulas lanjut, **Guan Eng turut menyelar setengah pihak khususnya media yang memihak kepada Barisan Nasional (BN), yang bertindak memburuk-burukkan negeri Pulau Pinang.**

**"Contohnya isu melibatkan pembersihan hutan, adalah tidak benar Kerajaan Negeri menebang bukit dan pokok, sedangkan tiada seinci pun hutan simpan kekal negeri 'disentuh'.**

**"Sebaliknya, Kerajaan Negeri telah menanam 271,000 pokok baru ke arah menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri hijau bertaraf antarabangsa,"** jelasnya.

Dalam pada itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail mengumumkan inisiatif PBT berkenaan mewujudkan lima lagi taman poket iaitu Taman Poket Tanjung Bunga, Taman Poket Jalan Cengai, Taman Poket Jalan Chan Siew Teong, Taman Poket Taman Western dan Taman Poket Lebuhraya Maktab.

Tambah beliau, lapan taman kejiranan iaitu di Kampung Pisang, Taman Air Raja, Persiaran Paya, Changkat Minden Lorong 14, Jalan Nibong, Taman Emas, Solok Bukit Belah 5 dan Lorong Pondok Upeh juga bakal diwujudkan.

"Projek-projek penghijauan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah Program Komuniti Bersih dan Hijau.

"Selain projek-projek penghijauan ini, MBPP turut melaksanakan inisiatif menanam pokok teduhan sepanjang tahun membabitkan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), ADUN, perhotelan dan sekolah-sekolah.

"Malah, MBPP juga giat mengenal pasti pokok-pokok warisan bagi usaha pemuliharaan," jelas Patahiyah yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada penaja projek CSR di Taman Kejiranan Lebuh Padang Tembak ini.

Selain PLB Engineering Berhad, turut terlibat dalam mewujudkan gelanggang futsal di sini adalah syarikat Intradeco Sdn. Bhd. dan East Design Sdn. Bhd..



# Exco seru Pusat beri keutamaan peruntukan penyelenggaraan RMM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Selain memberi keutamaan terhadap pembekalan rumah mampu milik (RMM), Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara konsisten turut memberi tumpuan berhubung isu penyelenggaraan membabitkan rumah rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR).

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang terserlah apabila tabung khas penyelenggaraan iaitu Tabung Penyelenggaraan 80:20 diwujudkan pada 2013.

"Tabung 80:20 ini adalah bagi membantu membiayai kos penyelenggaraan melibatkan RMM Jenis A (kos rendah) dan Jenis B (kos sederhana rendah), seperti kerja-kerja menyelenggara lif, tangki air, sistem perpaipan dan bumbung.

"Malah, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan RM3 juta pada 2013 dan RM2.85 juta setiap tahun bagi tempoh 2014 sehingga 2016 bagi melaksanakan projek-projek penyelenggaraan RMM Jenis A dan B di Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pengurusan (MC) Pangsapuri Sri Tanjung dekat Jalan Perak di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, susulan itu, Mesyuarat Exco juga meluluskan cadangan memperluaskan kelayakan skim perumahan dengan memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 peratus Pulau Pinang (TPM80PP) pada 15 Jun 2016 khusus bagi kategori skim perumahan berharga sehingga RM150,000.

"Tabung dengan nisbah 80:20 akan dikekalkan bagi harga perumahan di bawah RM100,000, manakala bagi yang berharga RM100,001 sehingga RM150,000, nisbah agihan adalah 60:40.

"Walau bagaimanapun, bagi kerja-kerja pengecatan semula dan turap jalan, nisbah 20:80 ditetapkan bagi kedua-dua skim rumah (berharga di bawah RM100,000 dan RM150,000)," jelasnya berhubung pengenalan TPM80PP.



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) bersama-sama Naib Pengerusi Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Sri Tanjung, Ng In Aun (lima dari kiri) dan beberapa penghuni menunjukkan surat persetujuan bagi pelaksanaan projek penurapan tar di sini baru-baru ini.

Difahamkan, MC Pangsapuri Sri Tanjung merupakan skim perumahan pertama yang diluluskan bagi penurapan jalan di bawah skop kepenggunaan baharu berkaitan, iaitu TPM80PP.

"Kos keseluruhan penurapan jalan di Pangsapuri Sri Tanjung adalah RM15,900 iaitu RM12,720 (80 peratus) dibiayai MC Pangsapuri Sri Tanjung dan Kerajaan Negeri (20 peratus).

"(Dan) sehingga kini, sejumlah 20 permohonan telah diluluskan di bawah TPM80PP dengan kos RM2.215 juta akan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri, dan RM1.889 juta dibiayai sendiri oleh penduduk melalui MC atau Perbadanan Pengurusan Bersama (JMB)," ujarnya.

**Menyentuh inisiatif Kerajaan Pusat melalui Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M), Jagdeep meluahkan kekecewaan apabila 143 permohonan yang dibuat sejak 2012, hanya 27 permohonan diluluskan.**

**"Kenyataan saya ini sememangnya disahkan melalui jawapan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada Ketua Menteri dalam persidangan Parlimen baru-baru ini bahawa Pulau Pinang dan lapan negeri lagi iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sarawak, Selangor, Terengganu, Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya dan WP Labuan langsung tidak menerima sebarang peruntukan di bawah TP1M.**

**"Lebih mengejutkan apabila peruntukan bagi TP1M menjunam daripada RM50.73 juta pada tahun 2015 kepada RM3.98 juta tahun 2016, iaitu penurunan 92.5 peratus. Begitu juga perbandingan pada tahun 2013 sebanyak RM32.82 juta diperuntukkan dan RM46.49 juta (2014).**

**"Bayangkan RM3.98 juta untuk seluruh negeri di Malaysia, sedangkan di Pulau Pinang melalui TPM80PP telah mencecah RM2.2 juta sejak penubuhannya Jun tahun lalu.**

**"Oleh itu, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya memberikan keutamaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan di bawah TP1M dengan memperuntukkan secukupnya peruntukan dalam bajet.**

**"Tidak kira apa alasan sekalipun, mesti memberi keutamaan terutama kes-kes penyelenggaraan kritikal membabitkan RMM kos rendah dan kos sederhana rendah seluruh Malaysia,"** tegas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.




## Cadangan bina Kompleks Makanan Taman Sutera Prima dikemuka kepada MPSP - ADUN

**SEBERANG JAYA –** Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa pihaknya baru-baru ini sudah mengemukakan permohonan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berhubung cadangan pembinaan sebuah kompleks makanan baharu di Taman Sutera Prima di sini.

Menurutnya, sebelum ini, beberapa masalah berbangkit telah timbul ekoran penjaja-penjaja menjalankan perniagaan tanpa lesen di sekitar kawasan tersebut.

"Perkara tersebut telah menimbulkan beberapa masalah kepada penduduk taman ini seperti masalah parkir yang terhad, kesesakan lalu lintas dan sebagainya.

"Memang kita ada perancangan mewujudkan sebuah kompleks makanan atau astaka untuk kemudahan peniaga-peniaga di sini menjalankan perniagaan dengan lebih sempurna.



DR. Afif Bahardin (kemeja putih) menanam anak pokok sebagai simbolik penganjuran Program Seberang Jaya Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat dekat Taman Sutera Prima di sini baru-baru ini.

"Walau bagaimanapun, ianya masih di peringkat perancangan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada sidang media penganjuran Program Seberang Jaya Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat dekat Taman Sutera Prima di sini.

Pada program tersebut, Afif turut meluangkan masa mendengar maklum balas penduduk setempat berhubung isu-isu kebersihan dan infrastruktur.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Tun Hussein Onn, Mahboob Rahman; Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Sutera Prima, Datuk Steven Chong dan Pengerusi Komuniti Rukun Tetangga Taman Sutera Prima, Arif Awang.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________

Alamat: ____________

____________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________

No. Telefon : (Rumah) ________ (Bimbit) : ________

Emel: ____________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 April 2017** hingga **31 Julai 2017.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil karya adalah hak milik penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM400**
**Kedua : RM250**
**Ketiga : RM150**
**4 Hadiah Saguhati**